

SULIT

No. Siri : 2019 / 06

LAPORAN
**JAWATANKUASA SIASATAN
TADBIR URUS, PEROLEHAN DAN
KEWANGAN KERAJAAN
(JKSTUPKK)**




JAWATANKUASA SIASATAN TADBIR URUS,
PEROLEHAN DAN KEWANGAN KERAJAAN (JKSTUPKK)
JABATAN PERDANA MENTERI

LAPORAN SIASATAN
PEROLEHAN ENAM BUAH
**SECOND GENERATION PATROL VESSEL
(SGPV), BERKEUPAYAAN
LITTORAL COMBATANT SHIP (LCS)**
TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA,
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

TERBUKA


SULIT



**SENARAI KEAHLIAN JAWATANKUASA SIASATAN TADBIR URUS,
PEROLEHAN DAN KEWANGAN KERAJAAN (JKSTUPKK),
JABATAN PERDANA MENTERI**

AHLI JAWATANKUASA:


1. YBHG. TAN SRI AMBRIN BIN BUANG - PENGERUSI
2. YBHG. DATUK DR. MOHD TAP BIN SALLEH
3. YBHG. TAN SRI DR. ABDUL SAMAD BIN ALIAS
4. YBHG. DATIN PADUKA ONG SWEE LENG
5. YBHG. DATO' SAMARAJOO MANIKAM
6. YBHG. DATO' SRI AKHBAR BIN HAJI SATAR
(Mulai Mei 2019)
7. YBHG. DR ZULQARNAIN BIN LUKMAN
(Julai 2018 - Julai 2020)



**RINGKASAN EKSEKUTIF SIASATAN
PEMBEKALAN ENAM BUAH SECOND GENERATION
PATROL VESSEL (SGPV) BERKEUPAYAAN LITTORAL COMBATANT SHIP
(LCS) TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA**

Perolehan LCS ini adalah bertujuan untuk meningkatkan keupayaan armada Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) berdasarkan *Force Development Plan For The Royal Malaysian Navy Up To Year 2020*. Tujuannya ialah bagi memastikan armada negara ditingkatkan secara seimbang dan berkemampuan tinggi untuk mengawasi kawasan perairan Malaysia. Perolehan dilaksanakan secara Rundingan Terus dengan Syarikat Boustead Naval Shipyard Sdn. Bhd. (BNS) untuk membekalkan enam buah LCS dengan had bumbung asal berjumlah RM9 bilion dan dipinda kepada RM9.13 bilion. Tempoh pelaksanaan perolehan selama 10 tahun mulai 3 Oktober 2013 hingga 2 Oktober 2023. Sehingga 31 Mei 2019, kemajuan keseluruhan pelaksanaan kontrak adalah sebanyak 53.29% berbanding perancangan 74.73% atau kelewatan 23 bulan. Sejumlah RM5.94 bilion atau 65.03% daripada RM9.13 billion telah dibuat pembayaran oleh KEMENSAH. Antara kelemahan tadbir urus, perolehan dan kewangan yang ditemui oleh Jawatankuasa Siasatan adalah seperti berikut:

- i. Pemilihan reka bentuk, *Combat Management System* dan sebahagian peralatan utama LCS dibuat berdasarkan syor dan pandangan BNS sebaliknya bukan sepenuhnya daripada TLDM selaku pengguna (*end user*);
- ii. *Due diligence* yang komprehensif tidak dilaksanakan oleh KEMENSAH bagi menilai keupayaan BNS untuk melaksanakan kontrak pembinaan LCS;
- iii. Kelewatan projek sejak tahun 2015, meliputi *Basic Design* dan *Detailed Design* yang sehingga kini masih belum dimuktamadkan; isu perolehan peralatan, *production drawings*, kekurangan tenaga kerja, jurutera tidak mahir, masalah kerjasama dengan Naval Group dan penghantaran *steel kits* yang lewat diterima serta masalah kecairan (*cash flow*) dan hutang yang tinggi ditanggung oleh BNS;



- iv. Kegagalan untuk memuktamadkan isu pertukaran peralatan *Integrated Platform Management System* (IPMS) dan *Decoy Launching System* (DLS) serta *Implementation Schedule* yang berlarutan sehingga kini menyebabkan impak kos yang tinggi dan tambahan masa yang panjang akan ditanggung oleh Kerajaan. Juga, terdapat tuntutan kos bagi *Surface to Surface Missile*; dan
- v. Kontrak lewat ditandatangani; bon pelaksanaan terkurang dikutip dan tempoh kuatkuasakan bon tidak mengikut kontrak serta isu *capping Liquidated Damages* (LD) dalam kontrak.

Sehubungan itu, Jawatankuasa Siasatan mengesyorkan hala tuju kontrak LCS, dan sekiranya ingin meneruskan kontrak perkara berikut dilaksanakan oleh KEMENTAH, TLDM dan Syarikat BNS:

- i. Memuktamadkan segera pertukaran peralatan IPMS, DLS dan pelanjutan tempoh kontrak (*Revised Implementation Schedule*) bagi elakkan peningkatan kos dan tambahan masa menyiapkan pembinaan LCS;
- ii. BNS segera menyiap dan memuktamadkan *Detailed Design*;
- iii. Kawalan ketat oleh Pegawai Pengawal ke atas bayaran kemajuan kepada BNS supaya sumber kewangan Kerajaan hanya digunakan untuk membiayai pembinaan LCS sahaja
- iv. BNS meningkatkan amalan tadbir urus pengurusan kewangan dan perolehan peralatan bagi memastikan harga diperolehi ialah *value for money* untuk Kerajaan;
- v. KEMENTAH memperkemaskan pengurusan kontrak khususnya *capping* dalam LD tidak dimasukkan dalam *Supplementary Contract* supaya LD dapat dikuatkuasakan bagi penyerahan kapal yang lewat; dan
- vi. Kajian *cost benefit* dilaksanakan bagi mengelakkan kos projek terus meningkat dan Kerajaan perlu mempertimbangkan sama ada untuk meneruskan pembinaan keenam-enam LCS atau mengurangkan bilangannya.



Sekiranya, Kerajaan berhasrat menamatkan kontrak, KEMENTAH perlu memafuh iklauisa-iklauisa yang terkandung di dalam kontrak dan perkara-perkara berikut dipertimbangkan:

- i. Sejumlah RM5.94 bilion telah dibelanjakan oleh Kerajaan tetapi setakat 31 Mei 2019, prestasi pembinaan bagi lima LCS hanya antara 1.55% hingga 36.75% dan LCS 6 masih belum bermula pembinaan;
- ii. Pencapaian fizikal keenam-enam buah LCS tersebut masih berbaki antara 63.25% hingga 100%, adalah dijangkakan baki peruntukan kewangan sebanyak RM3.19 bilion (RM9.13 bilion tolak RM5.94 bilion) tidak dapat menampung untuk menyiapkan sepenuhnya pembinaan keenam-enam buah LCS tersebut; dan
- iii. Kedudukan aliran tunai syarikat BNS setakat 31 Mei 2019 dilihat amat lemah dengan hutang bank sebanyak RM956.89 juta dan hutang kepada pembekal dan OEM sebanyak RM801.11juta.

Jawatankuasa Siasatan berpendapat, Opsyen 1 iaitu meneruskan kontrak wajar dipertimbangkan oleh Kerajaan. Namun begitu, Jawatankuasa Siasatan mencadangkan KEMENTAH hendaklah segera membentangkan kesemua penemuan siasatan ini, implikasi kewangan Kerajaan dan hala tuju projek berkenaan kepada Jemaah Menteri bagi membolehkan Jemaah Menteri mempertimbangkan dan membuat keputusan yang terbaik mengenai hala tuju pembinaan enam (6) buah LCS tersebut.

Sekretariat

Jawatankuasa Siasatan Tadbir Urus, Perolehan dan Kewangan Kerajaan

Jabatan Perdana Menteri

20 Ogos 2019



**LAPORAN SIASATAN
PEMBEKALAN ENAM BUAH *SECOND GENERATION
PATROL VESSEL (SGPV)* BERKEUPAYAAN *LITTORAL
COMBATANT SHIP (LCS)* TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA**

KANDUNGAN

| | |
|--|----|
| 1. TUJUAN..... | 5 |
| 2. LATAR BELAKANG | 5 |
| 3. STATUS PELAKSANAAN | 23 |
| 4. OBJEKTIF SIASATAN..... | 25 |
| 5. SKOP DAN METODOLOGI SIASATAN | 26 |
| 6. RUMUSAN PENEMUAN SIASATAN..... | 26 |
| 6.1 Kelemahan Perancangan | 26 |
| 6.2 Kelemahan Proses Perolehan | 39 |
| 6.3 Kelemahan Pengurusan Kontrak | 45 |
| 6.4 Kelemahan Klausula Kontrak | 78 |
| 7. SYOR | 79 |
| (i) Opsyen 1 – Meneruskan Kontrak..... | 79 |
| (ii) Opsyen 2 – Menamatkan Kontrak | 80 |
| 8. PENUTUP | 80 |



| BIL. | SENARAI JADUAL | MUKA SURAT |
|------|--|------------|
| 1. | Konsortium Yang Terlibat Dalam Perjanjian Penswastaan | 6 |
| 2. | Perubahan Struktur Ekuiti PSC-NDSB Sebelum Dan Selepas Pengambilalihan Oleh Boustead Holdings Berhad Pada Tahun 2005 | 7 |
| 3. | Penyerahan Kapal NGPV Oleh Boustead Naval Shipyard Sdn. Bhd. | 7 |
| 4. | Surat Menyurat/Memo Cadangan Spesifikasi Reka Bentuk LCS | 11 |
| 5. | Pengeluaran Surat Setuju Terima Dan Bayaran Pendahuluan Kepada Boustead Naval Shipyard Sdn. Bhd. | 15 |
| 6. | Butiran Rundingan Tawaran Harga | 16 |
| 7. | Butiran Projek <i>Littoral Combatant Ship</i> | 18 |
| 8. | Senarai Peralatan Utama LCS | 19 |
| 9. | Pemilikan Syarikat Boustead Naval Shipyard Sdn. Bhd Setakat 20 Jun 2019 | 20 |
| 10. | Pemilikan Syarikat Boustead Holdings Bhd Setakat 21 Februari 2019 | 21 |
| 11. | Pemilikan Syarikat Perstim Industries Sdn. Bhd Setakat 21 Februari 2019 | 23 |
| 12. | Cadangan Pindaan Penyerahan <i>Littoral Combatant Ship</i> oleh Syarikat | 25 |
| 13. | Perbandingan Reka Bentuk Dan <i>Combat Management System</i> | 29 |
| 14. | Pemilihan Peralatan Dan Sub Sistem Utama | 32 |
| 15. | <i>Due Diligence</i> Yang Komprehensif | 33 |
| 16. | Bayaran Pendahuluan Kepada Boustead Naval Shipyard Sdn. Bhd. | 34 |
| 17. | Kedudukan Kewangan Boustead Naval Shipyard Sdn. Bhd. Bagi Tahun Kewangan 2014, 2015, 2016 , 2017 Dan 2018 | 36 |
| 18. | Kedudukan Pinjaman Boustead Naval Shipyard Sdn. Bhd. Setakat 31 Mei 2019 | 37 |
| 19. | Mesyuarat Rundingan Harga Yang Diadakan | 40 |
| 20. | Ringkasan Skop Kontrak Yang Dikeluarkan | 41 |
| 21. | Penyelarasan Bagi Kos Pakej <i>Integrated Logistic Support (ILS)</i> | 43 |
| 22. | Pecahan Harga <i>Integrated Logistic Sup Dan Trial Aids</i> | 44 |
| 23. | Punca Kelewatan Dan Kesan Kelewatan LCS 1 Hingga LCS 5 Sehingga 31 Mei 2019 | 47 |
| 24. | Fasa Perancangan Dan Status Setakat 31 Mei 2019 | 48 |
| 25. | Status Perolehan Peralatan LCS Sehingga 31 Mei 2019 | 50 |
| 26. | Perincian Pelaksanaan <i>Detail Design</i> Setakat 31 Mei 2019 | 51 |
| 27. | Bilangan Non Conformance Report Yang Dikeluarkan Setakat 30 April 2019 | 53 |

TERBUKA

SULIT


Jawatankuasa Siasatan Tadbir Urus, Perolehan & Kewangan Kerajaan (JKSTUPKK) 06/2019 -LCS

| BIL. | SENARAI JADUAL | MUKA SURAT |
|------|--|------------|
| 28. | Perihal Kerja Yang Tidak Disiapkan | 55 |
| 29. | Permohonan <i>Variation Proposal</i> Oleh Boustead Naval Shipyard Sdn. Bhd. | 59 |
| 30. | Klausma Berhubung <i>Variation Proposal</i> Dan <i>Variation Order</i> | 60 |
| 31. | Pertukaran Jenama Model <i>Surface To Surface Missile (SSM)</i> Daripada MBDA Exocet Kepada NSM, Kongsberg, Norway | 62 |
| 32. | Pertukaran <i>Decoy Launching System (DLS)</i> Dari Jenama <i>Super Barricade, Wallop Defence System Ltd.</i> Kepada <i>Sylena Mk2</i> Oleh Syarikat BNS | 64 |
| 33. | Pertukaran Jenama Model <i>Integrated Platform Management System (IPMS)</i> Dari MTU Callosum Kepada L3 MAPPS | 67 |
| 34. | Tempoh Menandatangani Kontrak | 72 |
| 35. | Pengiraan Kos Faedah Pinjaman | 75 |
| 36. | Perincian <i>Supplementary Contract</i> | 76 |

| BIL. | SENARAI GRAF | MUKA SURAT |
|------|--|------------|
| 1. | Trend Pendapatan Dan Kos Operasi | 36 |
| 2. | Trend Untung/Rugi Dan Kerugian Terkumpul | 36 |
| 3. | Status Kemajuan Projek Berbanding Perancangan Setakat 31 Mei 2019 | 45 |
| 4. | Prestasi Pelaksanaan Pembinaan LCS1 Hingga LCS 5 Setakat 31 Mei 2019 | 46 |


| BIL. | SENARAI RAJAH | MUKA SURAT |
|------|--|------------|
| 1. | Spesifikasi <i>Littoral Combatant Ship</i> | 9 |
| 2. | Status Projek LCS Setakat 31 Mei 2019 | 56 |
| 3. | Pengiraan <i>Liquidated Damages</i> | 78 |

| BIL. | SENARAI CARTA | MUKA SURAT |
|------|--|------------|
| 1. | Struktur Kumpulan Boustead Holdings Berhad | 22 |



BIL.**LAMPIRAN**

1. Catatan YB Dato' Seri Ahmad Zahid bin Hamidi Atas Surat Syarikat BNS pada 9 Julai 2010
- 2 Penggunaan Bayaran Pendahuluan
3. Senarai Pembiutang Boustead Naval Shipyard Sdn. Bhd. Sehingga 31 Mei 2019
4. Analisis Nisbah Kewangan Boustead Naval Shipyard Sdn. Bhd Bagi Tahun 2014, 2015, 2016, 2017 Dan 2018
5. Rundingan Harga Terperinci Berdasarkan Tawaran Oleh Boustead Naval Shipyard Sdn. Bhd.
6. Senarai OEM Dan Sub Kontraktor Yang Telah Tandatangan Program Pengukuhan Ekonomi Dan Program Offset




**LAPORAN SIASATAN
PEMBEKALAN ENAM BUAH SECOND GENERATION
PATROL VESSEL (SGPV) BERKEUPAYAAN LITTORAL COMBATANT SHIP
(LCS) TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA**

1. TUJUAN

Tujuan kertas adalah untuk melapor penemuan siasatan terhadap Pembekalan Enam (6) Buah Second Generation Patrol Vessel (SGPV) Berkeupayaan Littoral Combatant Ship (LCS) Tentera Laut Diraja Malaysia secara rundingan terus dengan Boustead Naval Shipyard Sdn. Bhd. (BNS) dan mengesyorkan hala tuju projek ini.

2. LATAR BELAKANG**Pendahuluan**

- 2.1 Pada tahun 1990, Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) telah mengenal pasti keperluan perolehan 27 buah kapal peronda (*Patrol Vessel / PV*) untuk melengkapkan TLDM dengan peralatan yang canggih, terkini dan mampu mempertahankan perairan negara dengan cekap dan berkesan. Sebagai permulaan, untuk menggantikan 21 buah kapal jenis *Patrol Craft* dan 6 buah kapal ronda laju yang telah menjangkau usia 25 tahun pada tahun 2000, satu kertas cadangan telah dikemukakan dan dibincangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 15 September 1993. Mesyuarat bersetuju untuk melantik Naval Dockyard Sdn. Bhd. (NDSB) iaitu sebuah syarikat milik Menteri Kewangan Diperbadankan sebagai kontraktor utama untuk membina dan membekalkan PV kepada Kerajaan dengan bantuan dan latihan daripada pakar atau limbungan asing.



PSC – Naval Dockyard Sdn. Bhd.

- 2.2 Pada tahun 1991, Limbungan TLDM di Lumut, Perak telah diswastakan dan dikenali sebagai Naval Dockyard Sdn. Bhd. (NDSB). NDSB seterusnya diswastakan melalui Perjanjian Penswastaan yang ditandatangani pada 11 Disember 1995 antara Kerajaan Malaysia dengan konsortium yang diketuai oleh Penang Shipbuilding and Construction Sdn. Bhd. (PSC) yang kemudiannya dikenali sebagai PSC-Naval Dockyard Sdn. Bhd. (PSC-NDSB). Lima konsortium yang terlibat seperti di **Jadual 1** berikut:

JADUAL 1
KONSORTIUM YANG TERLIBAT DALAM PERJANJIAN PENSWASTAAN

| BIL. | SYARIKAT | SAHAM | |
|---------------|--|--------------|-------------------|
| | | % | BIL. |
| 1. | Penang Shipbuliding & Construction Sdn. Bhd. | 40 | 36,000,001 |
| 2. | Perstima | 30 | 27,000,001 |
| 3. | Lembaga Tabung Angkatan Tentera | 15 | 13,500,000 |
| 4. | Suria Barisan Sdn. Bhd | 8 | 7,200,000 |
| 5. | Permodalan Perak Berhad | 7 | 6,300,000 |
| JUMLAH | | 100 | 90,000,002 |

Sumber: Perjanjian Penswastaan Bertarikh 11 Disember 1995

- 2.3 Melalui Perjanjian Penswastaan ini, NDSB telah dipertanggungjawabkan untuk mereka bentuk, membina, memasang dan mentauliahkan 27 buah kapal peronda (PV) untuk TLDM. Sebagai permulaan, Kerajaan pada 5 September 1998 telah menandatangani kontrak dengan PSC-NDSB bagi membina enam buah kapal peronda Kumpulan Pertama dikenali sebagai *New Generation Patrol Vessel* (NGPV) yang hanya berkeupayaan rondaan dengan konsep *fitted but not with*. Bagaimanapun, PSC-NDSB gagal memenuhi obligasi kontrak kerana sehingga Jun 2005, tiada NGPV berjaya diserahkan.
- 2.4 Pada 2 Disember 2005, terdapat perubahan struktur PSC-NDSB di mana 58% daripada ekuiti telah dimiliki oleh Boustead Holding Berhad (BHB). BHB merupakan anak syarikat kepada Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) di mana LTAT memiliki ekuiti sebanyak

59.3%. Manakala LTAT pula merupakan salah satu daripada lima ahli konsortium semasa penubuhan PCS-NDSB dan setelah diambil alih oleh BHB. Kedudukan pegangan ekuiti sehingga tahun 2005 seperti di **Jadual 2** berikut:

JADUAL 2
PERUBAHAN STRUKTUR EKUITI PSC-NDSB SEBELUM DAN SELEPAS
PENGAMBILALIHAN OLEH BOUSTEAD HOLDINGS BERHAD
PADA TAHUN 2005

| PEMEGANG EKUITI | SEBELUM (%) | SELEPAS (%) |
|--|-------------|-------------|
| Penang Shipbuilding & Construction Sdn. Bhd. | 40 | 19 |
| Perstima Industries Sdn. Bhd. | 30 | 0 |
| Lembaga Tabung Angkatan Tentera | 15 | 15 |
| Suria Barisan Sdn. Bhd. | 8 | 8 |
| Permodalan Perak Bhd | 7 | 0 |
| Boustead Holdings Bhd. | 0 | 58 |
| JUMLAH | 100 | 100 |


Sumber: Fail Perolehan NGPV

- 2.5 Pengurusan baru PSC-NDSB yang diterajui oleh BHB telah berjaya menyempurnakan pembinaan enam NGPV secara berperingkat sungguhpun lewat berbanding tarikh sepatutnya mengikut kontrak seperti di **Jadual 3** berikut:

JADUAL 3
PENYERAHAN KAPAL NGPV OLEH BOUSTEAD NAVAL
SHIPLYARD SDN. BHD.

| KAPAL NGPV | TARIKH PENYERAHAN KAPAL | | LEWAT (BIL. HARI) |
|------------|-------------------------|---------------|-------------------|
| | MENGIKUT KONTRAK | SEBENAR | |
| 1 | 30 Sept. 2004 | 30 Mei 2006 | 600 |
| 2 | 31 Mac 2006 | 27 Julai 2006 | 477 |
| 3 | 31 Dis. 2008 | 31 Mei 2009 | 151 |
| 4 | 31 Jul. 2009 | 30 Nov 2009 | 122 |
| 5 | 30 Nov. 2009 | 03 Mei 2010 | 154 |
| 6 | 31 Mac 2010 | 22 Dis 2010 | 180 |

Sumber: Kontrak Dan Laporan Akhir Projek




Perolehan Kapal *Littoral Combatant Ship (LCS)* Untuk Kegunaan Tentera Laut Diraja Malaysia

- 2.6 Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 18 Ogos 2010 telah mengambil mаклум mengenai keperluan TLDM untuk meningkatkan keupayaan armadanya berdasarkan *Force Development Plan For The Royal Malaysian Navy Up To Year 2020*. TLDM merangka untuk memiliki 22 kapal kombatan berbanding enam buah yang sedia ada. Ini bermakna pasukan TLDM hanya beroperasi dengan kekuatan 27.3% kemampuan kombatan. Hasrat TLDM meningkatkan keupayaan perang armada sedia ada penting bagi memastikan armada negara dapat ditingkatkan secara seimbang dan berkemampuan tinggi di rantau ini khusus untuk mengawasi kawasan perairan Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Selain itu aset sedia ada TLDM yang telah berusia dan sukar disenggarakan bagi memenuhi keperluan operasi masa kini dan jangka panjang.
- 2.7 Sehubungan itu, bagi meneruskan kesinambungan aktiviti pembinaan kapal, syarikat BHB melalui Boustead Naval Shipyard Sdn. Bhd. (BNS) telah mengemukakan cadangan perolehan enam (6) buah *Second Generation Patrol Vessel- Littoral Combatant Ship (LCS)* berdasarkan perkara berikut:
- a. syarikat BNS dapat mengatasi jurang aktiviti limbungan serta penggunaan infra dan modal insan yang sedia ada;
 - b. kesinambungan projek pembinaan dapat meningkatkan keupayaan syarikat, mampu berdaya saing dengan limbungan luar negara;
 - c. meningkatkan keupayaan dan kualiti pembinaan kapal syarikat tempatan bagi mendapat pasaran luar negara; dan
 - d. meneruskan kesinambungan *vendor development program* yang melibatkan hampir 2,000 pembekal Bumiputera.



- 2.8 Perolehan 6 buah kapal peronda yang dikenali sebagai *Littoral Combatant Ship* ini berkeupayaan berperang dalam empat dimensi iaitu Peperangan Anti Permukaan, Anti Udara, Antikapal Selam dan Elektronik. Spesifikasi LCS adalah seperti di Rajah 1 berikut:

RAJAH 1
SPESIFIKASI LITTORAL COMBATANT SHIP




Sumber : Taklimat Pembentangan LCS Oleh TLDM

- 2.9 Pada 16 November 2007, BNS memohon kepada Unit Perancang Ekonomi (UPE) untuk melaksanakan pembinaan enam (6) LCS. Kandungan surat tersebut turut menyatakan perbincangan telah diadakan dengan Menteri Pertahanan, YB Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak di pejabat YB pada 9 Oktober 2007.
- 2.10 UPE melalui surat bertarikh 30 November 2007 secara prinsip tidak mempunyai halangan bagi Kementerian Pertahanan (KEMENTAH) memulakan rundingan dengan BNS untuk urusan perolehan LCS. Pembiayaan projek ini boleh menggunakan peruntukan RMK-10 (tahun 2011 - 2015) dan RMK-11 (tahun 2016 - 2020). Susulan itu, pada 15 Januari 2008, KEMENTAH memohon kelulusan Kementerian Kewangan (MOF) untuk mengeluarkan Surat Niat kepada BNS.



- 2.11 Pada 10 November 2008, BNS mengemukakan surat kepada YAB Timbalan Perdana Menteri Merangkap Menteri Kewangan, YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak untuk mendapat sokongan agar Surat Niat dikeluarkan ekoran aktiviti pembinaan NGPV akan berakhir serta bagi memastikan kapasiti limbungan Lumut digunakan secara optimum untuk pembinaan kapal baru.
- 2.12 Pada 11 Disember 2008, Markas Tentera Laut (MTL) memaklumkan Bahagian Perolehan untuk mengkaji semula permasalahan yang dihadapi TLDM dalam pembinaan NGPV sebelum Surat Niat dikeluarkan kepada BNS. Ini melibatkan isu seperti tahap kesiapsiagaan, kapal berkualiti rendah, kerosakan berulang ke atas peralatan kapal, isu reka bentuk dan ketidakpatuhan kepada syarat kontrak.
- 2.13 Syarikat BNS sekali lagi pada 22 Jun 2009, telah mengemukakan surat kepada YAB Perdana Menteri Merangkap Menteri Kewangan memohon pertimbangan menyokong pemberian kontrak pembinaan LCS. Justifikasinya adalah supaya rundingan dengan *Original Equipment Manufacturer* (OEM) dapat dilaksanakan serta mengenal pasti sub kontraktor dari dalam dan luar negara untuk menyertai projek.
- 2.14 Berdasarkan surat BNS di para pada 2.13, MOF pada 27 dan 31 Julai 2009 memohon KEMENTAH dan UPE untuk memberikan ulasan kepada permohonan Syarikat BNS. Sehubungan itu, KEMENTAH menyokong Surat Niat dikeluarkan kepada BNS dengan alasan tenaga kerja terlatih dikenalkan, peluang pekerjaan kepada pembekal tempatan dan mengadakan rundingan dengan pihak yang berkaitan.
- 2.15 Pada 3 Ogos 2009, UPE memaklumkan supaya menangguhkan pengeluaran Surat Niat kepada BNS. Sekiranya projek LCS diteruskan, akan meningkatkan nilai projek KEMENTAH yang telah diperuntukkan dalam RMK-9 (tahun 2006 – 2010). Sehubungan itu, pada 8 Oktober 2009, MOF memaklumkan KEMENTAH bahawa



permohonan perolehan BNS hanya akan dipertimbangkan sekiranya peruntukan ada kelak.

- 2.16 Dari tempoh **18 November 2009 hingga 16 Julai 2010**, terdapat surat-menurat/memo dikeluarkan oleh BNS dan TLDM mengenai cadangan spesifikasi, keupayaan dan reka bentuk bagi perolehan LCS. Antara surat menyurat/memo tersebut adalah seperti di **Jadual 4** berikut:


JADUAL 4
SURAT MENYURAT/MEMO CADANGAN SPESIFIKASI REKA BENTUK LCS

| BIL | TARIKH | SURAT MENYURAT/MEMO | | PERIHAL |
|------------|---------------|---|-----------------------------|---|
| | | DARI | KEPADА | |
| 1. | 18.11.2009 | BNS | Panglima Tentera Laut (PTL) | BNS maklumkan cadangan reka bentuk LCS akan dilakukan sendiri oleh tenaga tempatan menggunakan reka bentuk NGPV. |
| 2. | 30.12.2009 | PTL | Pengarah Urusan, BNS | Menyokong cadangan pembinaan 6 LCS oleh BNS tetapi perlu mengambil kira keperluan TLDM berikut: <ul style="list-style-type: none"> • keupayaan LCS dalam peperangan tiga dimensi persenjataan; • reka bentuk kontemporari yang akan dikaji dan diluluskan mengikut keperluan TLDM; dan • pembinaan dalam tempoh RMK-10 dan RMK-11. |
| 3. | 12.03.2010 | Pengarah Rancang dan Pembangunan, Markas Tentera Laut | PTL | Pembentangan BNS pada 11 Mac 2010 seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> • cadangan BNS memilih reka bentuk kapal kelas Meko 100; • pembinaan sepenuhnya di Malaysia; • ciri keupayaan dan spesifikasi terlalu umum dan komersial; dan • tempoh pelaksanaan dalam tempoh RMK-10 dan RMK-11. |
| 4. | 15.06.2010 | Pengarah Rancang dan Pembangunan, Markas Tentera Laut | PTL | Pembentangan opsyen reka bentuk LCS yang diterima oleh BNS: <ul style="list-style-type: none"> • 6 opsyen iaitu (1) Meko 100 dari BNS; (2) Milgem dari STM, Turki; (3) Meko 100 dan German K130 dari Jerman, (4) POVZEE dari Sepanyol; (5) SIGMA dari Belanda dan (6) GOWIND dari Perancis; dan • cadangan opsyen reka bentuk Meko 100 dengan kerjasama dari STM, Turki wajar dipertimbangkan TLDM. |

| BIL | TARIKH | SURAT MENYURAT/MEMO | | PERIHAL |
|-----|------------|---|--------|--|
| | | DARI | KEPADA | |
| 5. | 16.07.2010 | Pengarah Rancang dan Pembangunan, Markas Tentera Laut | PTL | Mengkaji kelebihan dan kekurangan setiap opsyen reka bentuk yang diterima BNS. Dicadangkan reka bentuk kapal Meko 100 dari BNS bagi struktur air untuk bekerjasama dengan STM, Turki bagi struktur lain. |
| 6. | - | - | - | BNS dihendaki memutuskan rakan kongsi asing dan reka bentuk kapal sebelum 31.01.2011. BNS telah gagal melaksanakannya. (mengikut catatan dalam surat PTL kepada YAB Perdana Menteri bertarikh 07.09.2011). |

- 2.17 Pada 8 Julai 2010 pula, BNS telah memajukan surat kepada Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Ahmad Zahid Hamidi memohon pengeluaran Surat Niat. Ini kerana BNS telah membuat persiapan dan perancangan projek LCS sejak dua tahun lalu dan juga untuk meyakinkan OEM bahawa projek ini mendapat mandat Kerajaan Malaysia. Seterusnya YB Dato Seri Ahmad Zahid Hamidi pada 9 Julai 2010 menyokong cadangan tersebut dengan catatan "*Sila laksanakan*" (Rujuk Lampiran 1 : Catatan minit di atas surat daripada syarikat bertarikh 9 Julai 2010).
- 2.18 Pada 2 Ogos 2010, MOF dalam ulasan Memorandum kepada Menteri Pertahanan, menyatakan perolehan LCS akan melibatkan kos yang tinggi. Oleh itu, pelaksanaannya perlu dipertimbangkan dalam konteks keupayaan sumber dan keutamaan negara yang mana kos projek dan siling RMK-10 (tahun 2011-2015) perlu ditentukan sebelum Surat Niat dikeluarkan.
- 2.19 UPE dalam suratnya kepada KEMENTAH pada 11 Oktober 2010, memohon menangguhkan Surat Niat dikeluarkan kepada BNS sehingga penyelarasan semula siling RMK-10 (tahun 2011-2015) dapat dilakukan. Bagaimanapun, UPE sebaliknya pada 14 Oktober 2010 bersetuju pula dengan rayuan KEMENTAH untuk mengeluarkan Surat Niat kepada BNS.

- 2.20 Pada 15 Oktober 2010, KEMENТАH mengeluarkan Surat Niat untuk perolehan LCS kepada BNS. Surat Niat mensyaratkan supaya perbincangan/rundingan lanjut diadakan antara KEMENТАH dan BNS untuk menetapkan terma-terma teknikal, tawaran harga, struktur dan terma pembayaran dan hal-hal lain.
- 2.21 Pada 11 Februari 2011, KEMENТАH telah mengemukakan permohonan kepada MOF untuk melaksanakan perolehan secara rundingan terus dengan BNS berdasarkan peruntukan diluluskan oleh UPE. Siling peruntukan yang disediakan oleh UPE iaitu berjumlah RM5.959 bilion dalam RMK-10 (tahun 2011-2015) dan baki siling RM3.041 bilion dalam RMK-11 (tahun 2016 – 2020) dengan jumlah keseluruhan perolehan sebanyak RM9 bilion.
- 2.22 Makmal Pengurusan Nilai [Value Management Lab (VM Lab)] telah diadakan pada 17 hingga 19 Mac 2011 bagi meneliti perincian skop dan kos keseluruhan perolehan kapal, bidang kerja dan peralatan utama kapal. Kos rumusan VM Lab projek ialah RM8.46 bilion dengan setiap satu kapal berharga RM1.41 bilion.
- 2.23 Pada 23 Mac 2011, MOF pada dasarnya bersetuju dengan permohonan KEMENТАH berdasarkan siling peruntukan yang diluluskan oleh UPE dalam RMK-10 (2011 – 2015) dan RMK-11 (2016 – 2020).
- 2.24 Pada 26 Mei 2011, TLDM telah mengadakan taklimat pemilihan reka bentuk dan peralatan LCS kepada YB Menteri Pertahanan, Dato' Seri Ahmad Zahid Hamidi. Semasa taklimat tersebut, TLDM telah memilih reka bentuk kapal jenama SIGMA dari Belanda dan 18 peralatan utama berserta jenama pengeluar. Pemilihan ini dipersetujui oleh YB Menteri Pertahanan selepas TLDM telah membuat pemilihan terperinciopsyen reka bentuk yang dibentangkan oleh BNS seperti di Jadual 4.
- 2.25 Bagaimanapun, pada 11 Julai 2011, YB Menteri Pertahanan telah menukar pendiriannya memilih reka bentuk GOWIND, DCNS dari Perancis sebagaimana yang syorkan oleh BNS dalam surat syarikat kepada YB Menteri Pertahanan pada 8 Julai 2011. Syarikat BNS terus



mengeluarkan surat niat kepada DCNS pada 13 Julai 2011 bagi memulakan proses *Conceptual Design* dan *Design Review* dengan pihak DCNS.

- 2.26 PTL pada ketika itu, Laksamana Tan Sri Abdul Aziz bin Haji Jaafar, mempertahankan pendiriannya dan konsisten memilih reka bentuk SIGMA dari Belanda dalam pembinaan LCS. Ini jelas diperlihatkan dalam surat PTL kepada Ketua Setiausaha KEMENTAH pada 17 Ogos 2011 dan kepada YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak pada 7 September 2011.
- 2.27 Pada 14 Disember 2011, KEMENTAH telah mengemukakan permohonan kepada MOF untuk kelulusan mengeluarkan Surat Setuju Terima (SST) kepada BNS. Berdasarkan kandungan SST menetapkan syarat reka bentuk GOWIND dan *Combat Management System* (CMS) jenama SETIS serta 17 peralatan/sub sistem. Pada 15 Disember 2011, MOF bersetuju meluluskan pengeluaran SST kepada BNS dengan had bumbung berjumlah RM9 bilion.
- 2.28 Pada 16 Disember 2011, KEMENTAH telah memohon kepada MOF untuk membuat bayaran pendahuluan sebanyak 20% daripada nilai had bumbung kontrak (RM9 bilion) iaitu bersamaan RM1.8 bilion. Namun begitu KEMENTAH mencadangkan untuk membuat bayaran pendahuluan sebanyak RM500 juta terlebih dahulu dengan mengambil kira aliran tunai KEMENTAH pada tahun 2011 dan baki bayaran pendahuluan tersebut akan dibuat pada tahun 2012. Walau bagaimanapun, melalui surat bertarikh 21 Disember 2011, MOF bersetuju meluluskan bayaran pendahuluan sebanyak RM500 juta kepada BNS.
- 2.29 Seterusnya pada 27 September 2013, SST dipinda (pindaan pertama) khususnya untuk bayaran pendahuluan kedua sejumlah RM700 juta atas rayuan BNS untuk mendapatkan baki RM1.3 bilion. BNS dikehendaki mengemukakan bon pelaksanaan sejumlah RM45 juta. Jumlah keseluruhan bayaran pendahuluan yang dipersetujui di



peringkat SST adalah sebanyak RM1.2 bilion atau 13.33% daripada nilai kontrak RM9 bilion.

- 2.30 Selanjutnya pada **6 Januari 2014**, SST dipinda sekali lagi (pindaan kedua) dengan bayaran pendahuluan ketiga kepada BNS berjumlah RM170 juta. Namun hanya sejumlah RM164,997,803 dibayar pada 10 Januari 2014. Jumlah keseluruhan bayaran pendahuluan di peringkat SST adalah berjumlah RM1,364,997,803 iaitu 14.95% daripada nilai kontrak. Ringkasan SST yang dikeluarkan adalah seperti **Jadual 5** berikut:

JADUAL 5
PENGELUARAN SURAT SETUJU TERIMA DAN BAYARAN
PENDAHULUAN KEPADA BOUSTEAD NAVAL SHIPYARD SDN. BHD.

| BIL. | TARIKH SURAT (SST) | BAYARAN PENDAHULUAN (RM) | PERKARA |
|---------------|--------------------|---------------------------|--|
| 1 | 16.12.2011 | 500,000,000 | <ul style="list-style-type: none"> ▪ Kelulusan bayaran wang pendahuluan oleh MOF pada 21.12.2011 ▪ Jaminan bank berjumlah RM500 juta |
| 2 | 27.09.2013 | 700,000,000 | <ul style="list-style-type: none"> ▪ Kelulusan bayaran wang pendahuluan oleh MOF pada 12.09.2013 ▪ Bon pelaksanaan sejumlah RM45 juta dikemukakan oleh BNS pada 03.10.2013 ▪ Jaminan bayaran pendahuluan dikecualikan |
| 3 | 06.01.2014 | 164,997,803 | <ul style="list-style-type: none"> ▪ Kelulusan bayaran wang pendahuluan oleh MOF pada 19.12.2013 berjumlah RM170 juta ▪ Jaminan bayaran pendahuluan dikecualikan |
| JUMLAH | | 1,364,997,803 | |

Sumber: Fail Bahagian Perolehan,KEMENSAH

- 2.31 Rundingan Harga telah dilaksanakan beberapa kali dengan tawaran komersial diterima daripada BNS bernilai RM9.591 bilion pada November 2011. Bagaimanapun, BNS kemukakan tawaran baru berjumlah RM10.524 bilion untuk pelaksanaan rundingan harga. Peringkat awalnya terdapat tiga rundingan harga; iaitu yang pertama pada 15 Oktober 2012, kedua pada 16 Oktober 2012 dan ketiga pada 05 November 2012 dengan rundingan harga dipersetujui berjumlah

RM9.693 bilion. Butiran rundingan harga tersebut adalah seperti di **Jadual 6** berikut:


JADUAL 6
BUTIRAN RUNDINGAN TAWARAN HARGA

| TARIKH | MESYUARAT | HARGA ASAL (RM JUTA) | HARGA DIRUNDINGKAN (RM JUTA) | PERBEZAAN (RM JUTA) |
|------------|-----------|----------------------|------------------------------|---------------------|
| 15.10.2012 | Pertama | 10,524.59 | 9,472.00 | (1,052.59) |
| 16.10.2012 | Kedua | 10,300.00 | 9,675.00 | (625.00) |
| 05.11.2012 | Ketiga | 9,675.00 | 9,693.00 | 18.00 |
| 10.07.2013 | Keempat | 9,693.00 | 9,000.00 | (693.00) |

Sumber: Minit Mesyuarat Rundingan Harga

- 2.32 Bagaimanapun, pada 18 Januari 2013, KEMENTAH telah memohon kelulusan UPE supaya kos projek dinaikkan kepada RM10.199 bilion untuk mengambil kira *withholding tax*, spesifikasi reka bentuk *stealth level* kapal, peningkatan fasiliti helikopter EC725, pembangunan infrastruktur *Shore and Software Integration Facility* serta aktiviti ujian penerimaan sebagaimana dipohon BNS.
- 2.33 UPE dalam maklum balasnya pada 27 Februari 2013, tetap mengekalkan kos projek pada RM9 bilion. UPE juga mencadangkan pembinaan bilangan kapal **dikurangkan kepada lima (5) buah** dan menegaskan sepatutnya kos peralatan dan perkhidmatan yang ditawarkan BNS perlu dikurangkan. **Bagaimanapun, cadangan pengurangan kapal tersebut kepada lima (5) buah tidak dipersetujui oleh TLDM.**
- 2.34 Pada 10 Julai 2013, rundingan harga keempat diadakan dan bersetuju merundingkan harga selaras had bumbung berjumlah RM9 bilion. Oleh itu, beberapa elemen *Integrated Logistic Support* (ILS) digugurkan. Seterusnya **MOF memuktamadkan harga kontrak pada 12 September 2013**, tertakluk kepada perkara berikut:

- a. siling peruntukan seperti yang diluluskan iaitu RM9 bilion oleh UPE, JPM;
 - b. tidak termasuk *withholding tax* dan peralatan *Integrated Logistic Support (ILS)*;
 - c. bayaran pendahuluan berjumlah RM700 juta tanpa mengemukakan jaminan bank dengan syarat bon pelaksanaan dikemukakan sebelum pendahuluan dibayar; dan
 - d. pertukaran peralatan *Altitude Heading and Reference (AHRS)* dari jenama Raytheon kepada AHRS Ixsea Phins diluluskan dan seterusnya memastikan kontrak ditandatangani dalam tempoh empat bulan dari tarikh kelulusan muktamadkan harga.
- 2.35 Pada 10 Disember 2013, BNS mengemukakan surat kepada YAB Perdana Menteri memohon untuk menggunakan *dual currency* bagi sebahagian pembayaran peralatan dan perkhidmatan dari luar negara. Selain itu, turut memohon pembayaran kemajuan projek dibuat mengikut aliran tunai yang tinggi bagi tahun 2014.
- 2.36 Pada 23 Jun 2014, mesyuarat Projek Perolehan Enam (6) Buah LCS telah diadakan yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri, telah memutuskan untuk mengekalkan harga kontrak berjumlah RM9 billion dan menetapkan perkara berikut:
- a. BNS dibenarkan membuat pinjaman bagi menampung kekurangan peruntukan-tahun 2014 dan 2015 di mana kos pinjaman akan dibiayai secara bersama oleh BNS dan Kerajaan pada kadar 50:50;
 - b. kontrak akan dimeterai dalam *dual currency* menggunakan Ringgit dan Euro;
 - c. diberikan pengecualian *withholding tax*; dan
 - d. peruntukan akan disediakan oleh UPE sebanyak RM500 juta pada tahun 2014, RM1 billion setahun bermula pada tahun 2015




sehingga 2019. Manakala baki projek ini akan diagihkan dalam tempoh tahun 2020 hingga 2023.

- 2.37 Pada 17 Julai 2014, kontrak utama telah ditandatangani antara BNS bersama KEMENTAH. Bagi tujuan pelaksanaan projek, empat (4) *supplementary contract* yang lain telah dimeterai. Maklumat lengkap butiran perolehan dan kontrak yang dimeterai bagi projek LCS adalah seperti di Jadual 7.

JADUAL 7
BUTIRAN PROJEK LITTORAL COMBATANT SHIP

| PERIHAL | KETERANGAN |
|---|---|
| Tujuan Perolehan | Perolehan Enam (6) Unit Kapal <i>Littoral Combat Ship</i> (LCS) Tentera Laut Diraja Malaysia |
| Agensi Pengguna | Tentera Laut Diraja Malaysia, KEMENTAH |
| Kaedah Perolehan | Rundingan Terus |
| Jenis Peruntukan | Pembangunan |
| Jumlah Peruntukan Disediakan | RM 9.128 bilion |
| Tarikh Surat Niat | 15 Oktober 2010 |
| Tarikh Kelulusan Rundingan Terus | 23 Mac 2011 |
| Tarikh Kelulusan SST dikeluarkan | 15 Disember 2011 |
| Tarikh Surat Setuju Terima | |
| • Asal | 16 Disember 2011 |
| • Pindaan Pertama | 27 September 2013 |
| • Pindaan Kedua | 06 Januari 2014 |
| Tarikh Kontrak Tandatangan | 17 Julai 2014 |
| Tempoh Kontrak | 10 tahun (3 Okt 2013 hingga 2 Okt 2023) |
| Nilai Kontrak Asal | RM 9 billion |
| Nilai Kontrak Dipinda | RM9.128 billion |
| Jumlah Bon Pelaksanaan | RM45 juta (diserahkan pada 3 Oktober 2013) |
| Wang Pendahuluan | RM1,364,997,803 (Wang jaminan bagi bayaran pendahuluan jumlah RM864,997,803 dikecualikan oleh MOF) |
| Kontrak Tambahan (<i>Supplementary Contract</i>) | i. Pertama ditandatangani : 27 Mac 2015 ii. Ke-2 ditandatangani : 14 Sep 2015 iii. Ke-3 ditandatangani : 30 Nov 2016 iv. Ke-4 ditandatangani : 24 Nov 2017 |

Sumber: Surat Setuju Terima Dan Kontrak



- 2.38 Sungguhpun, kontrak utama bagi pelaksanaan projek LCS adalah antara Kerajaan dan BNS, ***back to back contract*** turut ditandatangani oleh BNS dengan OEM dari lima (5) negara untuk perolehan peralatan utama dan sokongan seperti di Jadual 8. Selain itu, sebanyak 154 syarikat pembekal dan perkhidmatan tempatan juga terlibat dalam pelaksanaan projek ini.

JADUAL 8
SENARAI PERALATAN UTAMA LCS

| BIL. | PERALATAN | JENAMA/ MODEL/ | NEGARA PENGELUAR |
|------|--|---------------------|---------------------|
| 1. | <i>Main Propulsion System</i> | MTU | Jerman |
| 2. | <i>Gearbox</i> | Renk | Jerman |
| 3. | <i>Power Generator</i> | MTU | Jerman |
| 4. | <i>Integrated Platform Management System</i> | MTU Callosum | Perancis |
| 5. | <i>Surface To Air Missile (SAM))</i> | MBDA VL MICA | Perancis |
| 6. | <i>Medium Calibre Gun</i> | BAE Bofors 57mm | United Kingdom |
| 7. | <i>Gun Small Calibre</i> | MSI 30mm Oerlinkon | Switzerland |
| 8. | <i>Radar Electronic Suport Measure</i> | Thales Vigil | Perancis |
| 9. | <i>Main Surveillance Radar</i> | Thales Smart S Mk2 | Perancis |
| 10. | <i>Decoy Launching System</i> | Wallop Defence | United Kingdom |
| 11. | <i>Shafting and Controllable Pitch Propeller (CPP)</i> | Wartsila | Finland |
| 12. | <i>Fire Control Radar</i> | Rheinmetall Defence | Jerman |
| 13. | <i>Electro Optical Tracking System</i> | Rheinmetall Defence | Jerman |
| 14. | <i>Surface To Surface Missile (SSM)</i> | MBDA | Perancis |
| 15. | <i>Towed Array Sonar</i> | Thales Captas | Perancis |
| 16. | <i>Altitude & Heading Reference System</i> | IXBLUE | United Kingdom |
| 17. | <i>Integrated Communication System-</i> | Rohde & Schwarz | Jerman |
| 18. | <i>Combat Management System -</i> | DCNS | Perancis |

Sumber : Mengikut Kontrak Yang Ditandatangani Pada 17 Julai 2014

TERBIKU


Boustead Naval Shipyard Sdn. Bhd.

2.39 BNS yang sebelum ini dikenali sebagai PSC-Naval Dockyard Sdn. Bhd. telah ditubuhkan pada 13 Jun 1990 dan ditukarkan nama kepada BNS pada 4 Ogos 2006. Didapati kepentingan Kerajaan Malaysia juga terpelihara dengan BNS dengan satu unit Saham Khas (*Golden Share*) bernilai RM1. Aktiviti utama BNS adalah dalam pembinaan dan penyenggaraan kapal untuk ketenteraan dan komersial. Jenis kapal yang dibina adalah seperti kapal peronda (*patrol vessel*), kapal tempur pesisir (*littoral combatant ship*), feri kenderaan dan kapal layar mewah.

2.39.1 Ahli Lembaga Pengarah BNS adalah seperti di **Jadual 9**.

JADUAL 9
PEMILIKAN SYARIKAT BOUSTEAD NAVAL SHIPYARD SDN. BHD
SETAKAT 20 JUN 2019

| BIL. | NAMA/ALAMAT | NO. KAD PENGENALAN | JAWATAN/ TARIKH LANTIKAN | SAHAM | |
|------|-------------|-----------------------|--------------------------------|------------|------|
| | | | | UNIT | (%) |
| 1. | [REDACTED] | [REDACTED] | Pengarah/ 22.08.2005 | - | - |
| 2. | [REDACTED] | [REDACTED] | Pengarah/ 22.08.2005 | - | - |
| 3. | [REDACTED] | [REDACTED] | Pengarah/ 03.02.2019 | - | - |
| 4. | [REDACTED] | [REDACTED] | Pengarah/ 30.01.2019 | - | - |
| 5. | [REDACTED] | [REDACTED] | Pengarah/ 26.02.2019 | - | - |
| 6. | [REDACTED] | [REDACTED] | - | 89,500,001 | 68.8 |



SULIT

Jawatankuasa Siasatan Tadbir Urus, Perolehan & Kewangan Kerajaan (JKSTUPKK) 06/2019 -LCS


| BIL. | NAMA/ALAMAT | NO. KAD PENGENALAN | JAWATAN/ TARIKH LANTIKAN | SAHAM | |
|--|-------------|-----------------------|--------------------------------|-------------|------|
| | | | | UNIT | (%) |
| 7. | [REDACTED] | [REDACTED] | - | 27,000,001 | 20.8 |
| 8. | [REDACTED] | - | - | 13,500,000 | 10.4 |
| 9. | [REDACTED] | - | - | 1 | - |
| Jumlah Saham Dibenarkan Dan Dibayar Pada Kadar RM1.00 Setiap Saham | | | | 130,000,003 | 100 |

Sumber: MyData SSM Bertarikh 20 Jun 2019

2.39.2 Pemegang saham utama BNS adalah BHB yang ditubuhkan pada 25 Julai 1960. BHB terlibat dalam bidang pengurusan pelaburan pelbagai sektor antaranya perladangan, harta tanah, farmaseutikal, perindustrian berat dan kewangan serta pelaburan. Maklumat pengarah dan pemegang saham utama BHB adalah di **Jadual 10** berikut:

JADUAL 10
PEMILIKAN SYARIKAT BOUSTEAD HOLDINGS BHD.
SETAKAT 21 FEBRUARI 2019

| BIL. | NAMA/ALAMAT | NO. KAD PENGENALAN | JAWATAN/ TARIKH LANTIKAN | SAHAM | |
|------|-------------|-----------------------|--------------------------------|-------|-----|
| | | | | UNIT | (%) |
| 1. | [REDACTED] | [REDACTED] | Pengarah/ 10.12.1990 | - | - |
| 2. | [REDACTED] | [REDACTED] | Pengarah/ 16-01-1991 | - | - |
| 3. | [REDACTED] | [REDACTED] | Pengarah/ 16-01-1991 | - | - |
| 4. | [REDACTED] | [REDACTED] | Pengarah/ 01.03.2007 | - | - |
| 5. | [REDACTED] | [REDACTED] | Pengarah/ 11.10.2012 | | |




| BIL. | NAMA/ALAMAT | NO. KAD PENGENALAN | JAWATAN/ TARIKH LANTIKAN | SAHAM | |
|--|-------------|-----------------------|--------------------------------|---------------|------|
| | | | | UNIT | (%) |
| 6. | [REDACTED] | [REDACTED] | Pengarah/ 01.12.2017 | - | - |
| 7. | [REDACTED] | [REDACTED] | Pengarah/ 01.11.2018 | - | - |
| 8. | [REDACTED] | - | - | 1,201,476,218 | 59.3 |
| 9. | [REDACTED] | - | - | 204,123,392 | 10.1 |
| 10. | [REDACTED] | - | 67011-M | 167,261,131 | 8.3 |
| 11. | [REDACTED] | - | - | 454,127,256 | 22.4 |
| Jumlah Saham Dibenarkan Dan Dibayar Pada Kadar RM1.00 Setiap Saham | | | | 2,026,987,997 | 100 |

Sumber: MyData SSM Bertarikh 21 Feb.2019

2.39.3 Syarikat-syarikat milikan BHB yang turut mempunyai pegangan oleh LTAT iaitu Boustead Heavy Industries Corporation Berhad dan BNS. Struktur kumpulan bagi BHB adalah seperti **Carta 1**.

CARTA 1:
STRUKTUR KUMPULAN BOUSTEAD HOLDINGS BERHAD



Sumber : My SSM DATA DAN Laporan Tahun BHIC

TERBUKA

Perstim Industries Sdn Bhd

2.39.4 Perstim Industries Sdn. Bhd. (PISB) ditubuhkan pada 10 Mac 2001. PISB terlibat dalam aktiviti pegangan pelaburan, merupakan subsidiari kepada Boustead Penang Shipyard Sdn. Bhd. Maklumat pengarah dan pemegang saham utama PISB di **Jadual 11** berikut:

JADUAL 11
PEMILIKAN SYARIKAT PERSTIM INDUSTRIES SDN. BHD.
SETAKAT 21 FEBRUARI 2019

| BIL. | NAMA/ALAMAT | NO. KAD PENGENALAN | JAWATAN/ TARIKH LANTIKAN | SAHAM | |
|---|-------------|-----------------------|--------------------------------|-------------------|------------|
| | | | | UNIT | (%) |
| 1. | [REDACTED] | [REDACTED] | Pengarah/ 22,08,2005 | - | - |
| 2. | [REDACTED] | [REDACTED] | Pengarah/ 22,08,2005 | - | - |
| 3. | [REDACTED] | - | - | 51,155,723 | 100 |
| 4. | [REDACTED] | - | - | 1 | |
| Jumlah Saham Dibenarkan & Dibayar Pada Kadar RM1.00 Setiap Saham | | | | 51,155,724 | 100 |

Sumber: MyData SSM Bertarikh 21 Februari 2019

3. STATUS PELAKSANAAN

- 3.1 Sehingga 31 Mei 2019, sejumlah RM5.936 bilion atau 65.03% telah dibayar kepada BNS daripada keseluruhan kos projek berjumlah RM9.128 bilion termasuk RM1.365 bilion atau 14.94% terdiri daripada bayaran pendahuluan.
- 3.2 Prestasi keseluruhan pelaksanaan projek setakat 31 Mei 2019 adalah sebanyak 53.29% berbanding kemajuan yang dirancang iaitu


TERBUKA

74.73% dengan *varian* 21.44% atau kelewatan 23 bulan. Pembinaan LCS dilaksanakan secara berfasa dengan penyerahan kapal dalam tempoh di antara April 2019 hingga Ogos 2023 mengikut kontrak utama.

- 3.3 Susulan kelewatan dalam pelaksanaan pembinaan LCS, pada 20 Disember 2018, BNS memajukan tiga *Variation Proposal* (VP) kepada KEMENТАH yang melibatkan:
- i. *Integrated Platform Management System (IPMS);*
 - ii. *Decoy Launching System (DLS);* dan
 - iii. Pindaan terhadap *Implementation Schedule.*

Pertukaran IPMS dan DLS mempunyai impak masa, namun menurut BNS, “*costs to be discussed and determined later*” manakala perubahan *Implementation Schedule* termasuk *Payment Schedule* dan *Payment Data Directory* telah diperincikan mengikut perkembangan dan kemajuan semasa.

- 3.4 Ketiga-tiga VP tersebut dikemukakan kepada MOF pada 14 Februari 2019 tetapi tidak dapat dipertimbangkan kerana tiada ulasan Bahagian Perolehan dan Bahagian Undang-undang; tidak menyatakan implikasi kos serta tidak diperakukan oleh Mesyuarat Lembaga Perolehan KEMENТАH. Permohonan VP tersebut telah dikembalikan semula kepada KEMENТАH pada 20 Mac 2019.
- 3.5 Pada 17 Mei 2019, BNS telah mengemukakan semula kepada KEMENТАH ketiga-tiga VP dengan impak kos pertukaran IPMS berjumlah RM13.28 juta; DLS berjumlah RM7.13 juta dan *Implementation Schedule* berjumlah RM1.375 bilion (*worst case scenario*) dan RM693.57 juta (*optimistic case scenario*) tertakluk diluluskan pada Jun 2019. VP ini turut memberi impak kepada tarikh penyerahan kapal LCS dengan implikasi kelewatan antara 32 hingga 72 bulan tertakluk kelulusan arahan perubahan (VO) oleh MOF.



- 3.6 Pada 16 Julai 2019, BNS telah memajukan permohonan untuk meningkatkan kos pembinaan enam (6) buah LCS dengan mengemukakan justifikasi perincian kos yang baru iaitu berjumlah RM1.416 bilion. Perincian kos tersebut dilihat telah meningkat masing-masing sebanyak RM41 juta dan RM722.43 juta berbanding **justifikasi awal BNS bertarikh 17 Mei 2019 iaitu berjumlah RM1.375 bilion (worst case scenario)** atau RM693.57 juta (*optimistic case scenario*). Dalam tempoh dua bulan boleh berlaku cadangan peningkatan kos sebanyak RM41 juta atau RM722.43 juta. Manakala bagi **penyerahan LCS pula, telah turut mengalami kelewatan antara 24 bulan hingga 34 bulan dari tempoh asal penyerahan** mengikut kontrak seperti ditunjukkan pada Jadual 12.

JADUAL 12
CADANGAN PINDAAN PENYERAHAN LITTORAL COMBATANT SHIP OLEH SYARIKAT

| KAPAL LCS | PENYERAHAN MENGIKUT KONTRAK (BULAN) (a) | VP PERTAMA | | VP KEDUA TERTAKLUK KELULUSAN VO DAN TAMBAHAN MASA BERIKUT | CADANGAN SYARIKAT BNS (c) | LEWAT (BULAN) (c-a) |
|-----------|--|----------------------|------------------------|--|---------------------------|------------------------|
| | | SERAH (BULAN) (b) | LEWAT (BULAN) (b-a) | | | |
| 1 | Apr 2019 | Dis. 2020 | 20 | +32 bulan | Feb 2022 | 34 |
| 2 | Feb 2020 | April 2021 | 14 | +40 bulan | Okt 2022 | 32 |
| 3 | Dis 2020 | Ogos 2021 | 8 | +48 bulan | Jun 2023 | 30 |
| 4 | Okt 2021 | Okt 2021 | - | +56 bulan | Feb 2024 | 28 |
| 5 | Ogos 2022 | Ogos 2022 | - | +64 bulan | Okt 2024 | 26 |
| 6 | Jun 2023 | Jun 2023 | - | +72 bulan | Jun 2025 | 24 |

Sumber: Variation Proposal (VP) BNS

4. OBJEKTIF SIASATAN

Objektif siasatan adalah seperti berikut:

- 4.1 Mengenal pasti sebarang kelemahan dan kecuaian dalam tadbir urus dan pelaksanaan projek; dan
- 4.2 Mengenal pasti hala tuju kontrak dan syor-syor penambahbaikan yang bersesuaian untuk dikemukakan kepada pihak Kerajaan.



5. SKOP DAN METODOLOGI SIASATAN

Skop siasatan meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan projek. Metodologi siasatan ini dijalankan dengan kaedah berikut:

- 5.1 Pembentangan kronologi dan isu projek oleh Agensi dan syarikat terlibat seperti Bahagian Perolehan, MTL, BNS dan Jabatan Audit Negara;
- 5.2 Menyemak dan menganalisis rekod/dokumen utama bagi projek ini seperti Memorandum Jemaah Menteri, minit pengurusan tertinggi, Laporan Audit Jabatan Audit Negara dan laporan kemajuan bulanan Pasukan Projek LCS TLDM dan BNS serta terma kontrak;
- 5.3 Lawatan fizikal ke limbungan kapal BNS di Lumut; dan
- 5.4 Temu bual dengan pegawai bertanggungjawab untuk tujuan pengesahan.

6. RUMUSAN PENEMUAN SIASATAN

Berdasarkan kepada metodologi siasatan pada Para 5 di atas, Jawatankuasa Siasatan mendapati perkara-perkara berikut:

6.1 Kelemahan Perancangan


Kaedah Perolehan Secara *Contractor Driven*

- 6.1.1 Projek pembinaan LCS merupakan *contractor driven* melalui kaedah secara rundingan terus. Ini dibuktikan berdasarkan bermula dari tahun 2007, BNS telah berulang kali mengemukakan surat permohonan kepada KEMENTAH supaya surat niat dikeluarkan bagi tujuan memulakan perancangan dan pembinaan LCS berdasarkan perjanjian penswastaan 1995. Antara alasan yang dikemukakan oleh BNS bagi menyegerakan pengeluaran Surat Niat adalah bagi memastikan limbungan kapal di Lumut digunakan secara optimum selepas menyiapkan pembinaan enam buah PV sebelum ini. BNS turut mengadakan

TERBUKA

perjumpaan dengan Menteri Pertahanan dan memajukan beberapa surat kepada YAB Perdana Menteri, YAB Timbalan Perdana Merangkap Menteri Kewangan dan Menteri Pertahanan.

- 6.1.2 Jawatankuasa Siasatan mendapati KEMENTAH telah bersetuju dengan syor BNS dalam memilih reka bentuk GOWIND dari DCNS, Perancis sebagaimana persetujuan YB Menteri Pertahanan dalam surat kepada BNS pada 11 Julai 2011. Keputusan tersebut didapati bertentangan dengan pendirian YB Menteri Pertahanan, Dato' Seri Ahmad Zahid Hamidi sebelum ini yang bersependapat dengan TLDM selaku *end user* untuk memilih reka bentuk SIGMA dari Belanda semasa taklimat TLDM yang diadakan pada 26 Mei 2011.
- 6.1.3 Jawatankuasa Siasatan juga mendapati kesungguhan BNS untuk memilih reka bentuk GOWIND disebabkan mereka telah mengadakan perbincangan dan rundingan lebih awal dengan DCNS untuk melaksanakan pembinaan LCS. Ini dapat dibuktikan apabila BNS telah mengeluarkan Surat Niat kepada DCNS pada 13 Julai 2011, dua hari selepas YB Menteri Pertahanan, Dato' Seri Ahmad Zahid Hamidi menyatakan persetujuan dengan syor BNS. Malahan BNS juga telah memulakan proses *Conceptual Design* bersama DCNS mulai pada 25 Julai 2011 iaitu sebelum SST asal dikeluarkan pada 16 Disember 2011. Kaedah pemilihan kontraktor secara *contractor driven* dan juga penetapan pemilihan reka bentuk LCS adalah berdasarkan kepada syor pihak syarikat BNS dan tidak mengambil kira pandangan pengguna (*end user*) iaitu TLDM.




TERBUKA

Penyediaan Cadangan Reka Bentuk Kapal Dan Peralatan Utama

- 6.1.4 Cadangan bagi menetapkan spesifikasi reka bentuk kapal dan peralatan telah melalui beberapa siri perbincangan diadakan antara TLDM dan BNS sebelum SST dikeluarkan kepada Syarikat BNS. Mengikut perancangan asal, BNS dikehendaki memutuskan rakan kongsi dan opsyen reka bentuk kapal berdasarkan pembentangan dilaksanakan BNS sebelum 31 Januari 2011. Namun pemilihan tersebut gagal dikemukakan oleh Syarikat BNS kepada TLDM dalam tempoh ditetapkan.

Pemilihan Reka Bentuk Dan *Combat Management System*

- 6.1.5 TLDM telah menilai opsyen pembentangan BNS dan seterusnya mencadangkan untuk memilih reka bentuk **SIGMA** dari Belanda kepada YB Menteri Pertahanan dan dipersetujui oleh YB seperti dilaporkan dalam Para 6.1.2.
- 6.1.6 Pada 26 Julai 2011, PTL menulis surat kepada KSU KEMENTAH untuk menjelaskan secara terperinci kriteria kelebihan/kekurangan pilihan reka bentuk kapal **SIGMA** dan **Combat Management System (CMS)** pilihan TLDM iaitu **CMS TACTICOS** dari Thales, Perancis. Manakala BNS, telah memberikan ulasan menyokong reka bentuk **GOWIND** melalui maklum balas kepada KSU KEMENTAH bertarikh 3 Ogos 2011. Butiran lengkap justifikasi perbandingan tersebut seperti di Jadual 13.



JADUAL 13
PERBANDINGAN REKA BENTUK DAN COMBAT MANAGEMENT SYSTEM

| BIL. | REKA BENTUK DAN CMS | |
|--|--|--|
| | KELEBIHAN | KEKURANGAN |
| Pemilihan Reka Bentuk Kapal SIGMA Berbanding GOWIND | | |
| 1. | SIGMA dari Belanda tidak meletakkan pakej tawaran <i>combat management system (CMS)</i> dari pengeluar yang sama. | Tawaran GOWIND mensyaratkan penggunaan CMS SETIS dari DCNS, pengeluar yang sama dari Perancis |
| 2. | <i>Proven design</i> iaitu <i>corvette</i> (hampir menyamai frigate) telah digunakan oleh Tentera Laut Indonesia dan sedang menyiapkan <i>frigate</i> SIGMA untuk Tentera Laut Maghribi. | GOWIND masih pada tahap konsep. Hanya sebagai sebuah <i>Offshore Patrol Vessels</i> yang keupayaan dan fungsi berbeza dengan LCS. Maklum Balas BNS pada 3 Ogos 2011 Reka bentuk GOWIND merupakan derivatif daripada beberapa reka bentuk sebelumnya iaitu La Fayette dari FREMM. DCNS sedang mengubahsuai untuk meningkatkan kepada klasifikasi <i>frigate</i> . |
| 3. | SIGMA mempunyai <i>proven track record</i> yang baik bekerjasama dengan Kerajaan Indonesia. Keadaan ini dijangka akan mengurangkan risiko kepada Kerajaan dan BNS. | DCNS menawarkan pakej untuk menubuhkan syarikat usaha sama dalam bidang <i>design</i> dan <i>engineering</i> dan <i>transfer of technology</i> . |
| Pemilihan Combat Management System | | |
| 4. | i. CMS TACTICOS, Thales, Perancis menggunakan konsep teknologi <i>distributed computer architecture with multi processor concept</i> yang terkini dalam pasaran. ii. Teknologi terkini CMS ini tidak akan mengalami isu <i>obsolescence</i> . | i. CMS SETIS merupakan teknologi <i>server redundancy</i> yang akan <i>obsolete</i> dalam tempoh 5 hingga 10 tahun. ii. Teknologi <i>single point of failure</i> dan mempunyai 2 buah server sahaja. Maklum Balas BNS Pada 3 Ogos 2011 Teknologi CMS SETIS mempunyai ciri-ciri <i>open architecture</i> dengan <i>distributed processor for redundancy</i> dan ditambah dengan server untuk tujuan <i>redundancy</i> tambahan. |
| 5. | Sebanyak 16 negara telah mengoperasikan CMS TACTICOS dan rekod integrasi keseragaman dengan 10 dari 11 peralatan pilihan TLDM. | i. CMS SETIS masih dalam pembangunan ke atas <i>French Navy</i> dan Tentera Laut Maghribi. ii. Boleh Integrasi hanya satu peralatan pilihan TLDM. |
| 6. | Kos harga CMS TACTICOS berjumlah RM349.45 juta adalah lebih rendah termasuk kos integrasi dengan sistem lain dan <i>currency hedging</i> . | Kos CMS SETIS berjumlah RM270 juta tidak termasuk kos integrasi dengan sistem lain dan <i>currency hedging</i> . |

Sumber : Fail Perolehan

TERBIKU

- 6.1.7 Bagaimanapun, Jawatankuasa Pemantauan Perolehan Kelengkapan dan Perkhidmatan Siri 4/11 KEMENТАH, yang bersidang pada **12 Ogos 2011** telah menerima cadangan BNS ke atas pemilihan reka bentuk GOWIND bagi perolehan LCS. Keputusan KEMENТАH tersebut dibuat tanpa merujuk atau berbincang dengan TLDM selaku pengguna. Mengikut PTL, sebelum ini tidak pernah berlaku pemilihan reka bentuk ditentukan oleh kontraktor utama dan bukan oleh pihak pengguna (*end user*). KEMENТАH tidak mengutamakan kepentingan dan pandangan pihak TLDM (*end user*) tetapi lebih cenderung dengan cadangan BNS.
- 6.1.8 PTL memaklumkan dalam suratnya kepada Ketua Setiausaha (KSU) KEMENТАH bertarikh 17 Ogos 2011, proses sebut harga bagi CSM SETIS dari DCNS telah melanggar tatacara yang diamalkan bagi proses tender antarabangsa (*Standard Practice of International Tendering Process*) kerana sebelum ini DCNS tidak disenaraikan dalam lima (5) OEM asal yang telah dijemput oleh BNS untuk memajukan sebut harga CMS. PTL juga menyatakan terdapat unsur-unsur manipulasi penilaian data oleh Tim Penilai BNS untuk memberikan *misrepresentation* maklumat kepada Lembaga Pengarah BNS. Perkara ini berlaku semasa *Analysis On BNS Evaluation for CMS* kepada TLDM pada 11 Julai 2011. Data teknikal untuk penilaian dikemukakan oleh DCNS selepas dua (2) bulan tarikh tutup sebut harga CMS.
- 6.1.9 Selain itu, Memorandum Ketua Setiausaha KEMENТАH bertarikh 19 September 2011 yang disediakan untuk perakuan YB Menteri Pertahanan mendapati maklumat tidak tepat mengenai harga CMS SETIS. Bahagian Perolehan menyatakan tawaran harga **CMS SETIS berjumlah RM270 juta adalah termasuk sistem dan proses integrasi secara keseluruhan berbanding CMS TACTICOS iaitu berjumlah RM349.45 juta, lebih rendah berbanding CMS TACTICOS.** Bagaimanapun,

TERBUKA

sebenarnya harga CMS SETIS iaitu RM270 juta adalah tidak termasuk sistem dan proses integrasi serta *currency hedging* sebagaimana dilaporkan oleh TLDM dalam suratnya bertarikh 26 Julai 2011 kepada KSU KEMENTAH. Sebaliknya CMS SETIS yang terdapat di dalam kontrak adalah sebanyak RM479.4 juta iaitu meningkat sebanyak RM209.4 juta.

- 6.1.10 Berdasarkan kepada memorandum tersebut, akhirnya pada 26 September 2011, YB Menteri Pertahanan telah memperakukan CMS SETIS dari DCNS bagi perolehan LCS sebagaimana cadangan BNS dengan sokongan dari Bahagian Perolehan, KEMENTAH.

Pemilihan Peralatan Utama Bagi LCS

- 6.1.11 Semasa taklimat kepada YB Menteri Pertahanan pada 26 Mei 2011, TLDM telah memilih 17 peralatan utama dan satu CMS yang dipersetujui YB Menteri Pertahanan. BNS pula telah mengemukakan perbandingan cadangan peralatan utama pilihan TLDM dan pilihan BNS. Mengikut BNS, kedua-dua cadangan ini telah dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian BNS berdasarkan kriteria yang ditetapkan serta kesediaan OEM yang terlibat untuk menawarkan program offset.

- 6.1.12 Akhirnya, TLDM bersetuju dengan 13 daripada 17 cadangan peralatan dan baki empat (4) peralatan sebagaimana cadangan BNS akan dipertimbangkan bersama dengan TLDM selanjutnya. Bagaimanapun, empat (4) peralatan tersebut telah diangkat oleh KEMENTAH tanpa dirujuk kepada TLDM untuk kelulusan MOF pada 14 Disember 2011 dan seterusnya diluluskan oleh MOF pada 15 Disember 2011. Butiran peralatan tersebut adalah di Jadual 14 berikut:



JADUAL 14
PEMILIHAN PERALATAN DAN SUB SISTEM UTAMA

| BIL. | PERALATAN | PIHAK MEMBUAT PEMILIHAN | | |
|--|--|---------------------------------|----------------------|------------------------|
| | | CADANGAN OLEH TLDM | CADANGAN OLEH BNS | KEPUTUSAN MUKTAMAD* |
| | Reka bentuk | SIGMA | GOWIND | GOWIND |
| | CMS | TACTICOS | SETIS | SETIS |
| Peralatan Di Persetujui Bersama oleh TLDM Dan BNS | | | | |
| 1. | <i>Medium Calibre Gun</i> | 57mm BOFORS | BAE BOFORS 57mm | BAE BOFORS 57mm |
| 2. | <i>Surface to air missile-(SAM)</i> | ESSM Raytheon | MBDA VL MICA | MBDA VL MICA |
| 3. | <i>Decoy Launcher</i> | Super Barricade, Wallop Defence | Super Barricade | Super Barricade |
| 4. | <i>Radar ESM</i> | Vigil THALES | THALES Vigil | THALES Vigil |
| 5. | <i>Main Surveillance Radar</i> | Smart S, THALES | EAD TRS 3D | Smart S, THALES |
| 6. | <i>Small Calibre Gun</i> | MSI 30mm Oerlikon Oerlikon | MSI 30mm Oerlikon | MSI 30mm Oerlikon |
| 7. | <i>Towed Array Sonar</i> | THALES CAPTAS | THALES CAPTAS | THALES CAPTAS |
| 8. | <i>Shafting and Controllable Pitch Propeller (CPP)</i> | Wartsila | Wartsila | Wartsila |
| 9. | <i>Main Engine – 20V 1163 MTU (20V 28/33D - bergantung kepada pemilihan reka bentuk)</i> | MTU | MTU | MTU |
| 10. | <i>Gearbox</i> | Renk | Renk | Renk |
| 11. | <i>Power Generator - 8V 396 TE54, MTU</i> | MTU | MTU | MTU |
| 12. | <i>Integrated Platform Management System</i> | Logimatic | Logimatic | MTU Callosum |
| 13. | <i>Integrated Communication System</i> | EID & Hagenuk | Rohde & Schwarz | Rohde & Schwarz |
| Peralatan Pilihan BNS Tidak Dipersetujui TLDM | | | | |
| 14. | <i>Electro Optronic</i> | Mirador, THALES | Rheinmetall TMEO | Rheinmetall TMEO |
| 15. | <i>Fire Control Radar</i> | Sting EO Mk2, THALES | Rheinmetall TMXEO | Rheinmetall TMXEO |
| 16. | <i>Surface to surface missile (SSM)</i> | NSM, Kongsberg | MBDA Exocet | MBDA Exocet |
| 17. | <i>Attitude & Heading Reference System</i> | PHINS, Ixsea | Raytheon | Raytheon |

Sumber: Fall Perolehan

6.1.13 Jawatankuasa Siasatan mendapati kaedah penetapan pemilihan reka bentuk, *Combat Management System* dan sebahagian peralatan utama adalah berdasarkan kepada syor dan pandangan BNS sebaliknya bukan sepenuhnya daripada

TERBUKA

TLDM. Keputusan tersebut tidak memihak kepada TLDM selaku pengguna (*end user*) yang sewajarnya lebih arif dalam menentukan peralatan yang dipilih menepati spesifikasi dan keperluan operasi.

Due Diligence Terhadap Syarikat BNS Tidak Dilaksanakan

6.1.14 Mengikut amalan tadbir urus terbaik, proses *due diligence* secara komprehensif hendaklah dilaksanakan semasa pemilihan syarikat dibuat. Berdasarkan amalan tadbir urus yang baik, proses *due diligence* seharusnya meliputi antara lain seperti Jadual 15.

**JADUAL 15
DUE DILIGENCE YANG KOMPREHENSIF**

| | |
|-------------------|---|
| Semakan Referee | Semakan dengan pelanggan terdahulu |
| Kelayakan | Semakan SSM, CIDB dan lain-lain. |
| Analisis Kewangan | Kedudukan kewangan terkini dan akan datang, pinjaman, liquidity, audited account |
| Analisi Pemilikan | Latarbelakang syarikat, siapa pemilik, hubungan dengan stakeholder, berapa lama syarikat ditubuhkan dan lain-lain. |
| Analisis delivery | <i>Track record</i> , maklumat tambahan yang diperolehi daripada referee, sistem dan proses syarikat dan lain-lain. |
| Lawatan syarikat | Keadaan operasi, kapasiti, pematuhan peraturan dan lain-lain. |
| Lawatan klien | <i>Feedback</i> mengenai prestasi syarikat – kualiti, harga, ketetapan masa. |
| Semakan | <i>Interlink</i> antara syarikat yang masuk tender/semakan media – reputasi/skandal dll |
| Keselamatan | Semakan kes makhamah/ pelanggaran undang-undang, <i>security clearance</i> . |

Sumber: New Zealand Government

6.1.15 Jawatankuasa Siasatan mendapati perkara-perkara berikut:

a) Keupayaan Kewangan BNS Yang Terhad

Syarikat BNS memohon wang pendahuluan sebanyak 20% iaitu RM1.8 bilion daripada nilai kontrak untuk memulakan

projek LCS. Wang pendahuluan ini diperlukan oleh BNS untuk membayar OEM/pembekal bagi perolehan peralatan, perkhidmatan reka bentuk dan kejuruteraan yang dianggarkan sejumlah RM1.9 bilion. Maklumat bayaran pendahuluan yang dibuat oleh BNS adalah seperti di **Lampiran 2**.

Bagaimanapun, **MOF telah meluluskan wang pendahuluan sejumlah RM1.365 bilion atau 14.95% daripada nilai kontrak iaitu RM9.128 bilion.** Selain daripada itu, MOF juga telah memberi pengecualian bagi jaminan bank sebanyak RM836.9 juta bagi wang pendahuluan yang diluluskan. Butiran bayaran wang pendahuluan kepada BNS seperti di **Jadual 16**.

JADUAL 16
BAYARAN PENDAHULUAN KEPADA BOUSTEAD NAVAL SHIPYARD SDN. BHD.

| BIL. | NO. BAUCAR/ TARIKH | JUMLAH (RM JUTA) | JAMINAN BANK (RM JUTA) |
|---------------|-----------------------|---------------------|------------------------------|
| 1 | B2467 & 29.12.2011 | 500.00 | 500.00 |
| 2 | B1048 & 17.10.2013 | 500.00 | Dikecualikan |
| 3 | B1227 & 20.11.2013 | 200.00 | |
| 4 | B1609 & 07.01.2014 | 164.90 | |
| JUMLAH | | 1,364.9 | |

Sumber: Fail Bahagian Perolehan, KEMENTERAH

Jawatankuasa Siasatan mendapati kelulusan wang pendahuluan sebanyak RM1.365 bilion kepada BNS dan pengecualian jaminan bank oleh BNS adalah di luar kebiasaan daripada Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 dan PK4 – Pentadbiran Kontrak Perolehan Kerajaan Secara Am yang menetapkan had maksimum wang pendahuluan yang dibenarkan adalah 25% dari kos projek atau RM10 juta mengikut mana yang rendah. Ini membuktikan syarikat mempunyai keupayaan kewangan yang terhad bagi melaksanakan perolehan ini.

TERBUKA


b) Prestasi Kewangan Yang Lemah

Analisis terhadap penyata kewangan BNS bagi tempoh tahun 2014 hingga 2018 mendapati syarikat mengalami kerugian tiga daripada lima tahun tersebut. Kerugian terkumpul BNS didapati meningkat berjumlah RM462 juta pada tahun 2018 sehingga menjelaskan ekuiti syarikat kepada negatif RM332 juta (saham berbayar RM130 juta).

Jumlah Pembiutang (*Creditors*) Yang Tinggi

- Mengikut Laporan Kemajuan Projek LCS, masalah pengurusan kewangan dan aliran tunai yang dihadapi BNS menyebabkan pembayaran kepada OEM dan pembekal tertangguh. Akibatnya syarikat enggan membekal bahan mentah dan peralatan sehingga kerja pembinaan di limbungan terhenti. Didapati, sehingga 31 Mei 2019, kedudukan keseluruhan pembiutang (*creditors*) BNS berjumlah RM801.11 juta dengan pembiutang (*creditors*) projek LCS berjumlah RM733.55 juta seperti di **Lampiran 3**.

- Prestasi kedudukan kewangan, kerugian semasa dan terkumpul seperti di **Jadual 17, Graf 1 dan Graf 2**. Analisis nisbah syarikat adalah seperti di **Lampiran 4**.




JADUAL 17
KEDUDUKAN KEWANGAN BOUSTEAD NAVAL SHIPYARD SDN. BHD.
BAGI TAHUN KEWANGAN 2014, 2015, 2016 , 2017 DAN 2018


| BUTIRAN | 2014 (RM '000) | 2015 (RM '000) | 2016 (RM '000) | 2017 (RM '000) | 2018 (RM '000) |
|--------------------------------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|-------------------|
| Pendapatan | 1,338,656 | 963,243 | 664,068 | 1,375,995 | 1,065,952 |
| Kos Operasi | (1,298,130) | (1,045,648) | (802,767) | (1,348,869) | (1,317,585) |
| Hasil Dari Operasi | 40,526 | (82,405) | (138,699) | 27,126 | (251,633) |
| Pendapatan Faedah | 3,006 | 5,616 | 3,960 | 4,784 | 3,590 |
| Kos Kewangan | (3,348) | (3,706) | (3,869) | (4,093) | (4,340) |
| Untung/(Rugi) Sebelum Cukai | 40,184 | (80,495) | (138,608) | 27,817 | (252,383) |
| Cukai Pendapatan | - | - | - | - | - |
| Untung / (Rugi) Selepas Cukai | 40,184 | (80,495) | (138,608) | 27,817 | (252,383) |
| Kerugian Terkumpul | (18,227) | (98,722) | (237,330) | (209,513) | (461,896) |
| Jumlah Aset Semasa | 1,725,241 | 1,800,385 | 1,606,426 | 1,517,125 | 1,234,455 |
| Jumlah Liabiliti Semasa | 1,501,172 | 1,828,019 | 1,913,086 | 1,945,427 | 1,264,866 |
| Jumlah Aset | 2,095,285 | 2,238,781 | 2,036,035 | 1,929,359 | 1,624,869 |
| Jumlah Liabiliti | 1,983,512 | 2,207,503 | 2,143,365 | 2,008,872 | 1,956,765 |
| Jumlah Ekuiti | 111,773 | 31,278 | (107,330) | (79,513) | (331,897) |
| Jumlah Liabiliti & Ekuiti | 2,095,285 | 2,238,781 | 2,036,035 | 1,929,359 | 1,624,869 |

Sumber : Penyata Kewangan BNS

GRAF 1
TREND PENDAPATAN DAN KOS OPERASI



GRAF 2
TREND UNTUNG/RUGI DAN KERUGIAN TERKUMPUL



Sumber : Penyata Kewangan Boustead Naval Shipyard Sdn. Bhd. Dari Tempoh Tahun 2014 Hingga 2018



Syarikat BNS Dibebani Pinjaman Yang Tinggi

- Bagi menampung aliran tunai dan pembiayaan pelaksanaan pembinaan LCS, syarikat BNS telah mendapatkan pinjaman dari bank dan syarikat induk iaitu BHB untuk menampung modal kerja. Sehingga 31 Mei 2019, pinjaman BNS berjumlah RM956.86 juta terdiri daripada sebanyak RM354.96 juta hutang jangka pendek dan sejumlah RM601.90 juta pinjaman jangka panjang. Sejumlah RM50 juta pinjaman diperoleh daripada BHB.
- Selain itu, analisis nisbah hutang bagi mengukur peratusan jumlah aset dibiayai hutang mendapati *trend yang membimbangkan*. Syarikat BNS dijangka akan menghadapi kesukaran dan ketidakupayaan membayar faedah dan hutangnya dalam jangka panjang sekiranya keadaan kewangan berterusan lemah. Kedudukan pinjaman syarikat BNS adalah seperti di Jadual 18.

JADUAL 18
KEDUDUKAN PINJAMAN BOUSTEAD NAVAL SHIPYARD SDN. BHD.
SETAKAT 31 MEI 2019

| JENIS PINJAMAN/PEMBIAYA | TEMPOH JANGKA MASA PINJAMAN | | JUMLAH |
|---------------------------------|---|--|---|
| | PENDEK (RM) | PANJANG (RM) | |
| | 51,645,066.27 80,411,045.65 46,946,984.54 1,687,439.25 27,201,298.70 26,818,181.82 10,791,233.77 50,000,000.00 | 47,378,988.71 177,247,562.59 97,406,638.75 22,078,253.41 130,291,125.54 32,575,757.57 52,101,569.26 - | 99,024,054.98 257,658,608.24 144,353,623.29 23,765,692.66 157,492,424.24 59,393,939.39 62,892,803.03 50,000,000.00 |
| Jumlah | 295,501,250.00 | 559,079,895.83 | 854,581,145.83 |
| <i>Term Loan</i> | | | |
| | 9,463,694.00 | 42,819,391.00 | 52,283,085.00 |
| <i>Pinjaman Antara Syarikat</i> | | | |
| | 50,000,000.00 | - | 50,000,000.00 |
| JUMLAH PINJAMAN | 354,964,944.00 | 601,899,286.83 | 956,864,230.83 |

Sumber: Dokumen BNS Bertarikh 2 Julai 2019

c) Prestasi Kontrak Terdahulu

BNS adalah kontraktor sambungan bagi projek perolehan NGPV sejak 2 Disember 2005. Terdapat beberapa kelemahan telah dibangkitkan bagi perolehan NGPV dalam Laporan Akhir oleh Pasukan Projek NGPV-TLDM, Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2006 dan Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) pada 15 Jun 2005. Antara kelemahan yang dibangkitkan adalah seperti berikut:

- i. Kelewatan penyerahan kapal NGPV oleh PSC-NDSB/BNS berpunca daripada masalah kewangan dan aliran tunai syarikat sehingga berlaku pengambilalihan PSC-NDSB (sekarang dikenali sebagai BNS) oleh BHB. Sub kontraktor dan pembekal enggan meneruskan perkhidmatan kerana tidak mendapat bayaran.
- ii. Kelemahan klausa kontrak tidak menjaga kepentingan Kerajaan mendedahkan kepada risiko kerugian antaranya:
 - syarat pengiraan denda lewat maksimum dihadkan pada kadar 6% daripada kos setiap kapal;
 - klausa kontrak asal dipinda supaya bon pelaksanaan dikemukakan selepas bayaran pendahuluan diberikan; dan
 - bayaran perolehan dibuat berdasarkan pengesahan pesanan (*confirmation order*) sahaja tanpa pengesahan penerimaan barang tersebut.
- iii. Aktiviti pembinaan kapal yang perlahan disebabkan sebahagian kerja pembinaan kapal oleh sub kontraktor



tempatan yang kurang berpengalaman dan rendah kualiti kerja, melakukan banyak kesilapan dan gagal menyiapkan kerja mengikut spesifikasi yang ditetapkan serta kelemahan penyeliaan oleh BNS.

- iv. Jadual perancangan kerja tidak mengambil kira *time in hand* bagi kelewatan membekalkan alat ganti menyebabkan jadual kerja tertangguh dan penjadualan semula berulang kali seterusnya berlaku peningkatan kos;
- v. Kelemahan *detail design, production drawings* dan perolehan menyebabkan kerja pemasangan paip, kabel dan peralatan tidak mengikut jadual yang ditetapkan.

d) Tuntutan Perundangan Daripada Syarikat Ingat Kawan Sdn. Bhd.

BNS sedang menghadapi tuntutan tindakan perundangan daripada syarikat Ingat Kawan Sdn. Bhd. berjumlah RM50 juta bermula daripada 14 Mac 2013. Tindakan tersebut masih dalam perbicaraan di Mahkamah Tinggi Ipoh, Perak.

Jawatankuasa Siasatan mendapati *due diligence* yang komprehensif tidak dilaksanakan oleh KEMENTAH terhadap BNS dan berasaskan maklumat tersebut keupayaan BNS untuk melaksanakan kontrak pembinaan LCS pada masa akan datang amat diragui.

6.2 Kelemahan Proses Perolehan

Rundingan Harga Yang Tidak Realistik dan Berlanjutan

- 6.2.1 Bagi memuktamadkan harga kontrak, sebanyak empat kali rundingan harga telah dibuat di antara BNS dan KEMENTAH.


Pada 15 Oktober 2012, BNS telah mengemukakan tawaran harga perolehan LCS berjumlah RM10.524 bilion disebabkan tambahan spesifikasi peningkatan reka bentuk *stealth level* kapal, peningkatan fasiliti helikopter EC725 serta pembangunan infrastruktur *Shore dan Software Integration Facility*. Harga tersebut telah dirundingkan bersama dengan KEMENTAH menjadi RM9.472 bilion iaitu pengurangan sejumlah RM1.052 bilion juta atau 10%. Pada keesokan harinya iaitu 16 Oktober 2012, BNS sekali lagi telah mengemukakan tawaran harga yang baru berjumlah RM10.300 bilion. Harga ini juga telah dirundingkan bersama KEMENTAH dengan pengurangan sejumlah RM625 juta (6.07%) menjadikan harga yang dipersetujui kepada RM9.675 bilion.

- 6.2.2 Seterusnya, rundingan harga ketiga telah dilaksanakan pada 5 November 2012 iaitu daripada RM9.675 bilion telah dirundingkan kepada RM9.693 bilion. Terdapat kenaikan harga dalam rundingan tersebut sebanyak RM18 juta atau 0.19%. Akhirnya pada 10 Julai 2013, rundingan harga yang keempat telah dilaksanakan iaitu daripada RM9.693 bilion yang dipersetujui sebelum ini diturunkan kepada RM9 bilion iaitu pengurangan sebanyak RM693 juta atau 7.15%. Ringkasan butiran rundingan tawaran harga di **Jadual 19** dan terperinci di **Lampiran 5**.

JADUAL 19
MESYUARAT RUNDINGAN HARGA YANG DIADAKAN

| TARIKH | MESYUARAT | HARGA ASAL (RM JUTA) | HARGA DIRUNDINGKAN (RM JUTA) | PERBEZAAN (RM JUTA) |
|------------|-----------|----------------------|------------------------------|---------------------|
| 15.10.2012 | Pertama | 10,524.59 | 9,472.00 | (1,052.59) |
| 16.10.2012 | Kedua | 10,300.00 | 9,675.00 | (625.00) |
| 05.11.2012 | Ketiga | 9,675.00 | 9,693.00 | 18.00 |
| 10.07.2013 | Keempat | 9,693.00 | 9,000.00 | (693.00) |

Sumber: Minit Mesyuarat Rundingan Harga



- 6.2.3 Bagi mengekalkan had bumbung RM9 bilion, pengurangan sejumlah RM693 juta telah dibuat dengan mengeluarkan beberapa skop kontrak seperti di Jadual 20.

JADUAL 20
RINGKASAN SKOP KONTRAK YANG DKELUARKAN

| BIL. | PERKARA | JUMLAH (RM) |
|----------------------------|---|----------------------|
| 1. | Harga rundingan awal | 9,693,000,000 |
| 2. | Skop dikeluarkan dan ditangguhkan a. Alat ganti asas <i>on board and First Outfit Of Naval Store</i> (FONS) RM413,600,000 b. <i>Integrated Logistics Support</i> (ILS) RM121,600,000 | (535,200,000) |
| 3. | Dikeluarkan keperluan alat bantuan, pengujian (kapal penunda, sasaran, sasaran, peluru) | (145,000,000) |
| 4. | Dikeluarkan <i>Unmanned Aerial Vehicle</i> (UAV) | (10,800,000) |
| 5. | Diskaun tambahan dari BNS | (2,000,000) |
| 6. | Jumlah (bil.2+3+4+5) | (693,000,000) |
| JUMLAH Bersih (1-6) | | 9,000,000,000 |

Sumber: Memorandum Pertimbangan Jawatankuasa Perolehan Menteri Kewangan 1

- 6.2.4 Pada 30 Ogos 2013, Mesyuarat Lembaga Perolehan A (Bekalan) KEMENTAH telah memperakukan perolehan LCS dilaksanakan oleh BNS dengan had siling berjumlah RM9 bilion. Keputusan Lembaga Perolehan A juga menetapkan semua elemen ILS (kecuali *on board spares*, FONS, dokumentasi dan latihan) dipohon melalui peruntukan Belanja Mengurus pada masa hadapan.
- 6.2.5 Jawatankuasa Siasatan berpendapat rundingan harga yang diadakan berdasarkan tawaran BNS adalah tidak realistik. Ini adalah kerana BNS menawarkan harga perolehan projek dalam tempoh selang sehari iaitu pada 15 dan 16 Oktober 2012 dengan perbezaan sebanyak RM224.59 juta. Selain itu, walaupun tawaran harga pertama telah dirundingkan kepada RM9.472 bilion, BNS telah menawarkan harga yang kedua melebihi dari harga yang telah dirundingkan iaitu RM10.300 bilion.

TERBUKA


- 6.2.6 Didapati harga yang dirundingkan bagi kali kedua iaitu RM9.675 billion adalah lebih tinggi sebanyak RM203 juta daripada harga yang dirundingkan kali pertama iaitu RM9.472 billion. Proses rundingan harga berlarutan sehingga 9 bulan untuk dimuktamadkan bagi mendapatkan kelulusan MOF. Ini kerana kesukaran untuk mendapat persetujuan bersama antara KEMENTAH dan BNS di mana akhirnya elemen *Integrated Logistic Support* dikeluarkan daripada skop kontrak, kecuali *on board spares*, FONS, dokumentasi dan latihan.

Ketidakakuratan Proses Perolehan

- 6.2.7 Jawatankuasa Siasatan mendapati, proses rundingan harga telah dilaksanakan selepas SST Asal dikeluarkan iaitu pada 16 Disember 2011. Sepatutnya proses rundingan harga dilaksanakan dan dimuktamadkan sebelum SST dikeluarkan. Amalan ini adalah tidak teratur sebagaimana ditetapkan dalam peraturan kewangan semasa.

Isu Berkaitan *Integrated Logistics Support (ILS) Dan Trials*

- 6.2.8 Didapati *Integrated Logistic Support (ILS)* berjumlah RM121,554,502 yang termasuk dalam tawaran harga BNS pada 26 April 2013 telah diselaraskan (*set-off*) kepada butiran peralatan *Trials and Commissioning; Second/Third Tier* dan *ESWBS – Expanded Ship Work Breakdown* dan *Project Risk Insurance*.
- 6.2.9 Kesan daripada *set-off* ini menyebabkan kos bagi peralatan *Trials and Commissioning* telah bertambah manakala *Non Major Equipment* dan *Project Risk Insurance* dikurangkan. Butirannya seperti di Jadual 21.




JADUAL 21
PENYELARASAN BAGI KOS PAKEJ INTEGRATED LOGISTIC SUPPORT (ILS)

| PERALATAN | KOS ASAL SEMASA RUNDINGAN KEMPAT (RM) | KOS DIPINDA (RM) | KOS DALAM KONTRAK (RM) |
|---------------------------------|---------------------------------------|--------------------|------------------------|
| Kos pakej ILS | 121,554,502 | - | |
| <i>Trials and Commissioning</i> | 71,307,236 | 134,407,188 | 205,714,424 |
| <i>Non Major Equipment</i> | 1,665,774,241 | (10,800,000) | 1,654,974,241 |
| <i>Project Risk Insurance</i> | 105,000,000 | (2,052,686) | 102,947,314 |
| JUMLAH | 1,963,635,979 | 121,554,502 | 1,963,635,979 |

Sumber: Rundingan Harga Dan Kontrak

6.2.10 Pada 1 November 2018, MOF telah meluluskan perolehan *ILS* dan *Trial Aids* kepada BNS dengan anggaran kos RM600 juta secara rundingan terus dengan surat dihantar kepada BNS pada 19 November 2018. Perolehan ini dibuat susulan keputusan Lembaga Perolehan A yang bersidang pada 30 Ogos 2013, yang mengeluarkan elemen ILS (kecuali *on board spares*, FONS, dokumentasi dan latihan) sebagaimana dilaporkan dalam Para 6.2.4. Butiran terperinci kos ILS adalah seperti di **Jadual 22** berikut:



JADUAL 22
PECAHAN HARGA ILS DAN TRIAL AIDS

| KOMPONEN | HARGA DISETUJUI OLEH BNS |
|--|--------------------------------|
| INTEGRATED LOGISTIC SUPPORT | |
| 1. <i>Supply Support</i> (termasuk dokumentasi teknikal & <i>Intellectual Property</i> berjumlah RM50.66 juta) | 107,273,717.69 |
| 2. <i>Training</i> | 132,855,005.33 |
| 3. <i>Computer Support</i> | 5,133,010.60 |
| 4. <i>First Outfit of Stores (FOS)</i> | 41,073,182.67 |
| 5. <i>ILS Products Development</i> | 2,139,040.00 |
| 6. <i>Total Cost with Escalation, Financial Charges, Insurance & Transport</i> | 53,105,729.46 |
| 7. <i>Profit Margin</i> | 51,236,952.94 |
| 8. <i>Risk & Contingencies</i> | 17,078,984.31 |
| 9. <i>ILS Management Team</i> | 8,115,192.00 |
| TRIAL AIDS | |
| 1. <i>Trial Aids Package</i> | 34,156,492.00 |
| 2. <i>Decoy Ammunitions</i> | 46,432,560.00 |
| 3. Pengurusan Aset Kerajaan (PAK) | 33,821,055.18 |
| 4. <i>Total Cost with Escalation, Financial Charges, Insurance & Transport</i> | 30,095,766.21 |
| 5. <i>Profit Margin</i> | 21,675,881.01 |
| 6. <i>Risk and Contingencies</i> | 7,225,293.67 |
| 7. <i>ITT Management Team</i> | 15,207,528.00 |
| Total Trial Aids Excluding SST | 188,614,576.07 |
| Jumlah ILS | 418,010,815.53 |
| Diskaun | 6,625,391.60 |
| Jumlah Pakej ILS dan Trial Aids | 600,000,000.00 |

Sumber: Dokumen Pembentangan Pasukan Projek LCS, TLDM

6.2.11 Mengikut Para 6.2.3, Lembaga Perolehan A (LPA) KEMENTAH telah menetapkan semua elemen ILS (kecuali *on board spares*, FONS, dokumentasi dan latihan) dipohon melalui peruntukan Belanja Mengurus. Bagaimanapun, didapati elemen ILS pada Jadual 22 sepatutnya tidak memasukan perolehan dokumentasi berjumlah RM50.66 juta dan latihan berjumlah RM132.85 juta sebagaimana diputuskan Lembaga Perolehan KEMENTAH pada 30 Ogos 2013. Kos perolehan kedua-dua ini sewajarnya dimasukkan sekali dalam had bumbung RM9 bilion atau di set-off daripada pakej ILS yang dikeluarkan itu berjumlah

RM121,554,502.


TERDUKA

6.3 Kelemahan Pengurusan Kontrak

Prestasi Pelaksanaan Projek Tidak Memuaskan

6.3.1 Berdasarkan perancangan pembinaan dalam kontrak, sehingga 31 Mei 2019, peratusan kemajuan pembinaan sepatutnya ialah **74.73%** berbanding kemajuan sebenar iaitu **53.29%**. Berlaku kelewatan pembinaan iaitu **sehingga 23 bulan atau varian 21.44%**. Prestasi pelaksanaan projek berbanding perancangan ditunjukkan seperti dalam **Graf 3** di bawah:

GRAF 3
STATUS KEMAJUAN PROJEK BERBANDING PERANCANGAN SETAKAT 31 MEI 2019



| Ringkasan | 2019 Kemajuan bulanan (%) | | | | |
|---|---------------------------|--------|--------|--------|--------|
| | Kemajuan | Jan | Feb | Mar | Apr |
| 1. Varian keseluruhan -21.44% (22.9 bulan lewat). | Rancang | 71.63 | 72.41 | 73.11 | 73.85 |
| 2. Antara faktor penyumbang (i.e Perolehan, Equipment Finalization, Detail Design, Production Drawing, Construction dan Kelulusan VO tertangguh). | Sebenar | 50.61 | 51.32 | 52.03 | 52.68 |
| | Varian | -21.02 | -21.09 | -21.08 | -21.17 |
| | | | | | -21.44 |


Sumber : Dokumen Pembentangan BNS

6.3.2 Jawatankuasa Siasatan mendapati terdapat beberapa punca yang menyebabkan berlaku kelewatan pelaksanaan projek. Ini memberi kesan terhadap pembinaan bagi setiap LCS. Bagi LCS


1, sepatutnya kapal telah diserahkan pada April 2019 seperti yang ditetapkan dalam kontrak, bagaimanapun telah ditangguhkan penyerahannya dijangka Februari 2022 namun, bergantung pada kelulusan *Extension of Time* (EOT) oleh Kerajaan. Bagi LCS 6, tiada peratusan kemajuan dan perancangan pembinaan kerana penerimaan *steel kits* pertama hanya akan tiba pada September 2019.

- 6.3.3 Prestasi pelaksanaan bagi LCS 1 hingga LCS 6 adalah seperti di **Graf 4** dan antara punca menyebabkan kelewatan pelaksanaan pembinaan dan kesan-kesannya adalah seperti di **Jadual 23**.

GRAF 4
PRESTASI PELAKSANAAN PEMBINAAN LCS1 HINGGA
LCS6 SETAKAT 31 MEI 2019



Sumber: BNS Progress Report Mei 2019



JADUAL 23
PUNCA KELEWATAN DAN KESAN KELEWATAN LCS1 HINGGA LCS6
SEHINGGA 31 MEI 2019

| KAPAL SGPV | PERATUS PEMBINAAN (%) | | PUNCA KELEWATAN | KESAN |
|------------|-----------------------|---------|---|--|
| | RANCANG | SEBENAR | | |
| LCS 1 | 100 | 36.75 | <ul style="list-style-type: none"> ▪ <i>Detailed design</i> dan <i>production drawing</i> lewat disiapkan. BNS sepatutnya menyiapkan sebelum/pada Dis 2016 tetapi dipinda ke Sep 2019. ▪ <i>Steel kits</i> lewat dibekalkan oleh pembekal. ▪ <i>Critical design review (CDR)</i> lewat siap. ▪ Kerja terhenti oleh Cofely Axima kerana isu komersial. ▪ Penjadualan semula kerja <i>hull outfitting</i>, <i>piping</i> dan APIC. ▪ Isu komersial bekalan peralatan. | <ul style="list-style-type: none"> ▪ Kerja <i>hull outfitting</i>, pemasangan kabel elektrikal, <i>piping</i> dan mekanikal serta <i>Accommodation, Panelling, Insulation and Catering (APIC)</i> terjejas. ▪ Peralatan lewat dibekalkan antara 2 hingga 3 bulan. ▪ Pemasangan <i>ducting</i> lewat dilaksanakan. ▪ Perbekalan peralatan terjejas. |
| LCS 2 | 91.66 | 32.61 | <ul style="list-style-type: none"> ▪ <i>Detailed design</i> dan <i>production drawing</i> lewat disiapkan. ▪ Lewat kerja fabrikasi dan pemasangan kerana kekurangan pekerja. ▪ Lewat proses perolehan bahan <i>piping</i>. ▪ Kerja terhenti oleh Cofely Axima sebab isu komersial. | <ul style="list-style-type: none"> ▪ Kerja <i>hull outfitting</i>, pemasangan kabel elektrikal, <i>piping</i> tertangguh. ▪ Kerja <i>Heating, Ventilation and air conditioning</i> terjejas. ▪ Kerja pemasangan <i>ducting</i> dan kabel terjejas. ▪ Perbekalan peralatan terjejas. |
| LCS 3 | 72.06 | 29.08 | <ul style="list-style-type: none"> ▪ Kekangan pekerja. ▪ Lewat <i>erection top and bottom block (shore power up)</i>. ▪ Lewat perbekalan GPM 500 oleh WSAM ▪ Aktiviti pembinaan struktur <i>hull</i> lembap. ▪ Isu komersial bekalan peralatan. | <ul style="list-style-type: none"> ▪ Aktiviti seterusnya seperti kerja <i>hull outfitting</i>, pemasangan kabel elektrikal, <i>piping</i> tertangguh. ▪ Kerja mengikut <i>Data Dictionary LCS3-7A</i> lewat dibuat. ▪ Perbekalan peralatan terjejas. ▪ Bahan mentah terhad. |
| LCS 4 | 48.56 | 21.96 | <ul style="list-style-type: none"> ▪ Lewat dalam pembinaan blok dan kerja <i>hull outfitting</i>. ▪ Perbezaan lukisan untuk blok 08B. ▪ Isu komersial bekalan peralatan. ▪ Isu perbekalan bahan mentah. | <ul style="list-style-type: none"> ▪ Pembayaran tidak dapat dibuat. ▪ Kelulusan lukisan lewat dibuat. ▪ Perbekalan peralatan terjejas. ▪ Aktifiti bagi LCS4-6A tidak dapat disiapkan. |
| LCS 5 | 23.83 | 1.55 | <ul style="list-style-type: none"> ▪ Kerja penerimaan <i>steel kits</i> di peringkat pertama. ▪ Proses melantik sub kontraktor lewat dibuat. ▪ Kekangan pekerja dan kawasan pembinaan. | <ul style="list-style-type: none"> ▪ Kerja pembinaan lewat dimulai pada 26 April 2019. ▪ Kajian semula majlis <i>keel laying</i>. |
| LCS 6 | 0.0 | 0.0 | Lewat memuktamadkan anugerah Surat Niat kepada kontraktor. | Penerimaan <i>steel kits</i> dijangka pada Sep 2019. |

Sumber: BNS Progress Report Mac, April dan Mei 2019

6.3.4 Pelaksanaan projek LCS merangkumi fasa seperti di **Jadual 24** berikut:

JADUAL 24
FASA PERANCANGAN DAN STATUS SETAKAT 31 MEI 2019

| BIL. | FASA | TEMPOH | |
|-------------|---|-------------------------|-------------------------------------|
| | | RANCANG | SEBENAR |
| 1. | <i>Concept Design</i> | 04.06.2012 - 28.01.2013 | 06.06.2012 – 24.09.2013 |
| 2. | <i>Basic Design</i> | 03.10.2013 - 31.01.2015 | 03.10.2013 – 20.07.2016 |
| 3. | <i>Detailed Design (termasuk Production Drawings)</i> | 06.08.2014 - 29.11.2016 | 06.08.2014 (Tangguh ke Sep 2019) |
| 4. | Pembinaan (LCS 1) | 03.2015 - 03. 2019 | 05.2015 – 01. 2022 |
| 5. | Ujian (LCS 1) | 07.2017 - 03.2019 | 08.2020 – 01.2022 |
| 6. | Penerimaan (LCS 1) | 04.2019 | 02.2022 |

Sumber : Laporan Kemajuan Projek LCS, TLDM Dan Maklum Balas Soalan BNS Pada 26 Jun 2019

Jawatankuasa Siasatan mendapati, kelewatan pembinaan LCS disebabkan kelewatan pelaksanaan fasa-fasa seperti berikut:

i. ***Concept Design***

6.3.5 Fasa ini adalah permulaan reka bentuk pembangunan dokumen dengan menggariskan konsep operasi kapal yang perlu dipatuhi iaitu ciri-ciri *littoral*, peperangan empat (4) dimensi dan konsep halimunian. Fasa ini dilaksanakan dengan penglibatan BNS dan Naval Group (sebelum dikenali DCNS) dari Perancis.

Mengikut Laporan Kemajuan Projek LCS, Pasukan Projek LCS TLDM, fasa ***Concept Design*** bermula pada **4 Jun 2012** dan **sepatutnya dimuktamadkan pada 28 Januari 2013**. Bagaimanapun, hanya dimuktamadkan pada 24 September 2013 (kelewatan 238 hari atau 8 bulan).

ii. ***Fasa Basic Design Yang Berlarutan***

6.3.6 Fasa ***Basic Design*** melibatkan penghasilan (*output*) daripada ***Concept Design*** yang kemudian diterjemahkan kepada reka bentuk sebenar kapal dan sistem-sistem

TERBUKA

berkaitannya bagi memenuhi keperluan *Contract Building Specification (CBS)*. Data yang terhasil daripada aktiviti ini akan disenaraikan dalam *Contract Data Requirement List*, kontrak utama. Fasa ini dilaksanakan dengan penglibatan TLDM, BNS, Naval Group dan OEM.

Fasa ini bermula pada 3 Oktober 2013 dan sepatutnya dimuktamadkan pada 31 Januari 2015. Bagaimanapun, fasa *Basic Design* ini hanya dapat disiapkan sepenuhnya pada 20 Julai 2016 (kelewat 17 bulan 20 hari). Ini kerana data 3D bagi sebahagian peralatan telah lewat diterima dari OEM berpunca daripada tindakan BNS yang lewat menandatangani kontrak dengan OEM yang terlibat.

iii. *Fasa Detailed Design Lewat Dimuktamadkan*

6.3.7 *Fasa Detailed Design* melibatkan penghasilan (*output*) daripada *Basic Design* yang akan diterjemahkan ke dalam *production drawings* untuk aktiviti pembuatan/pembinaan peralatan kapal. Fasa ini termasuk penghasilan lukisan kapal, sistem peralatan utama dan peralatan sokongan dalam bentuk 3D dengan menggunakan aplikasi AVEVA marine dan beberapa aplikasi lukisan lain. Fasa ini dilaksanakan secara langsung oleh Naval Group selaku *designer authority*, OEM dan BNS. Mengikut kontrak, fasa ini sepatutnya dilaksanakan pada 6 Ogos 2014 hingga 29 November 2016. Namun, fasa ini tertangguh sehingga kini.

6.3.8 Bagi penghasilan lukisan tersebut, akan melibatkan perolehan peralatan dan data 3D daripada OEM berkenaan. Mengikut perancangan, perolehan ini perlu dimuktamadkan selewat-lewatnya pada 26 Oktober 2016. Bagaimanapun, didapati perolehan bagi 11 peralatan tersebut masih belum diselesaikan oleh BNS dengan OEM dan melangkaui tarikh yang ditetapkan (kelewat 31 bulan sehingga 31 Mei 2019).

Butirannya adalah seperti di Jadual 25 berikut:

TERBUKA


JADUAL 25
STATUS PEROLEHAN PERALATAN LCS SEHINGGA 31 MEI 2019

| BIL. | PERALATAN | STATUS PROSES PEROLEHAN | TARIKH JANGKAAN LOA* DIMETERAI |
|------|--|---|--------------------------------|
| 1. | <i>Scuttle Panels</i> | Menunggu Kelulusan Pengurusan (Semakan Bajet BNS) | Julai 2019 |
| 2. | <i>Pressure Relief Panels</i> | | |
| 3. | <i>CO and Operator Chairs</i> | | |
| 4. | <i>Rotatable Fairlead Support</i> | | |
| 5. | <i>Fixed Fire Extinguishing System (FFES)</i> | | |
| 6. | <i>Random Ball Valves LCS 4, LCS 5, LCS 6</i> | | |
| 7. | <i>Butterfly Valves LCS 4, LCS5, LCS6</i> | | |
| 8. | <i>Valves & Accessories LCS4, LCS5, LCS6</i> | | |
| 9. | <i>Replenishment as Sea</i> | | |
| 10. | <i>Piping Work Package LCS 5 & LCS 6</i> | | |
| 11. | <i>Condensate Pumps</i> | | |

Sumber: Laporan Kemajuan Projek LCS Dan Minit Mesyuarat BNS Bulan Mei 2019
 LOA – Letter Of Acceptance

6.3.9 **Ekoran kelewatan perolehan berkenaan, penghasilan data 3D untuk reka bentuk peralatan bagi penyediaan *Detailed Design* tidak dapat dilaksanakan termasuk proses *Critical Design Review (CDR)*.**

6.3.10 Bagi *production drawings* pula, prestasi pelaksanaan sebenar adalah sebanyak 85.42% pada Mei 2019 berbanding tarikh sepatut disiapkan pada Disember 2016 (lewat 29 bulan). Kesan kelewatan tersebut menyebabkan kerja fabrikasi, produksi *piping system* dan aktiviti *outfitting* menjelaskan penyediaan *Detailed Design*. Status kemajuan *Detailed Design* yang dilaporkan ialah 90.14% berbanding sepatutnya 100% seperti di Jadual 26 berikut:



JADUAL 26
PERINCIAN PELAKSANAAN DETAIL DESIGN SETAKAT 31 MEI 2019

| NO. | TASK | WEIGHTAGE DISTRIBUTION % | PROGRESS | |
|-----------------------------|---|--------------------------------|--------------|----------------|
| | | | ACTUAL % | WEIGHTAGE % |
| 1. | <i>Outfitting Detail Design</i> | 57.0 | 82.7 | 47.1 |
| a. | <i>Equipment Detailed Design</i> | 10.3 | 83.7 | 8.62 |
| b. | <i>Piping Detailed Design</i> | 24.8 | 83.0 | 20.6 |
| c. | <i>Seating & Hull Fitting Detailed Design</i> | 12.2 | 69.0 | 8.41 |
| d. | <i>Electrical Detailed Design</i> | 5.2 | 99.0 | 5.15 |
| e. | <i>Heating, Ventilation And Air Conditioning (HVAC)</i> | 4.5 | 97.3 | 4.38 |
| 2. | <i>Hull Detail Design</i> | 43.0 | 100.0 | 43.0 |
| KEMAJUAN KESELURUHAN | | | 90.14 | |

Sumber: Minit Mesyuarat BNS Dan Laporan Kemajuan Pasukan Projek LCS Bulan Mei 2019

6.3.11 Laporan kemajuan kerja yang disediakan Pasukan Projek LCS melaporkan wujud kekurangan tenaga kerja di pihak BNS bagi menghasilkan *production drawings* manakala aktiviti reka bentuk dilaksanakan oleh jurutera-jurutera muda yang kurang pengalaman turut menyumbang kepada kelewatan pelaksanaan *detailed design*. Ini kerana jurutera tersebut perlu sentiasa merujuk kepada Pengarah Program BNS bagi memuktamadkan sesuatu kerja.

6.3.12 Selain itu, berlaku masalah kerjasama di antara BNS dan *designer authority Naval Group (DCNS sebelum ini)* berhubung isu *detail design*. Ini dibuktikan dengan laporan yang dikemukakan oleh Pasukan Projek LCS dalam suratnya bertarikh 28 Disember 2018 dan semasa pembentangan Pasukan Projek LCS, TLDM kepada Jawatankuasa Siasatan pada 25 Februari 2019 dan seperti yang dimaklumkan juga oleh wakil Syarikat BNS pada 1 Ogos 2019.



Kemajuan Kerja Pembinaan LCS Terjejas

6.3.13 Fasa pembinaan melibatkan aktiviti *pre-fabrication*, *pre-assembly* dan *sub block* dan *block erection*. Aktiviti ini melibatkan pihak Naval Group (Perancis) dan BNS secara langsung. Susulan daripada impak kelewatan perolehan peralatan, *detailed design* dan *productions drawings* serta punca lain telah dikenal pasti menyumbang kepada kelemahan kemajuan kerja pembinaan LCS adalah seperti berikut:

- a) Bekalan *steel kits* lewat diterima daripada syarikat Belanda. Sepatutnya *steel kits* bagi keenam-enam LCS perlu dihantar mulai Disember 2015 hingga 21 Ogos 2017 secara berperingkat. Sehingga kini, 8 daripada 63 *batch steel kits* LCS 4 dalam proses penghantaran manakala 46 daripada 63 *batch steels kits* bagi LCS belum dilaksanakan penghantaran. Kelewatan penghantaran adalah dalam tempoh 20 bulan, disebabkan masalah kontrak di antara BNS dengan OEM yang merangkumi pembayaran, pemotongan *steel kits* yang tidak mengikut spesifikasi dan kuantiti.
- b) *Non Conformance Report (NCR)* dikeluarkan sama ada oleh Pasukan Projek LCS atau *Bureau Veritas* (Perancis) bagi sebarang ketidakaturan teknikal dan pematuhan spesifikasi kerja pembinaan mengikut obligasi Klausu 16.4, kontrak utama dan *Contract Building Specification (CBS)*. Pemeriksaan dan pengesahan ini dilakukan oleh Pasukan Projek LCS, TLDM atau *Bureau Veritas (BV)* yang merupakan *Independent Classification Society* dilantik oleh BNS untuk menilai kepatuhan pembinaan terhadap standard *BV Naval Rules*.

Pengeluaran NCR ini memerlukan *rework*, tambahan masa dan kos untuk meneruskan pembinaan. Sebanyak

TERDILAKUKAN

286 NCR masih belum dilaksanakan tindakan pembetulan seperti di Jadual 27.

JADUAL 27
BILANGAN NON CONFORMANCE REPORT YANG DIKELUARKAN
SETAKAT 30 APRIL 2019

| KAPAL | BILANGAN NCR | | |
|---------------|--------------|--------------|---------------|
| | DIKELUAR | SELESAI | BELUM SELESAI |
| LCS 1 | 1,101 | 949 | 152 |
| LCS 2 | 238 | 180 | 58 |
| LCS 3 | 157 | 105 | 52 |
| LCS 4 | 43 | 19 | 24 |
| JUMLAH | 1,539 | 1,253 | 286 |

Sumber: Mesyuarat Kemajuan Kerja BNS Ke 56/2019 Bertarikh 13 Jun 2019

- c) Notis Modifikasi merupakan dokumen notis pemakluman yang dikeluaran oleh Pasukan projek LCS terhadap kerja perubahan dan pengubahsuaian yang perlu dilaksanakan ke atas struktur blok atau kapal yang telah disiapkan. Modifikasi berlaku disebabkan kerja reka bentuk dan *production drawings* yang belum dimuktamadkan atau *construction error*. Bilangan modifikasi yang banyak dilaksanakan ke atas struktur kapal akan meningkatkan tambahan kerja dan tempoh pelaksanaan pembinaan. Minit Mesyuarat Kemajuan Kerja BNS ke 56/2019 bertarikh 13 Jun 2019, melaporkan sebanyak 230 Notis Modifikasi bagi LCS 1; 222 bagi LCS 2 dan 132 bagi LCS 3 serta 3 bagi LCS 4 masih belum diselesaikan.
- d) BNS menghadapi isu komersial dan masalah aliran tunai, menyebabkan ketidakupayaan BNS untuk menyelesaikan tunggakan pemutang (*creditors*) yang menjangkau berjumlah RM733,546,128.18 setakat 31 Mei 2019. Aliran tunai yang bermasalah telah dilaporkan di Para 6.1.15 (b) dengan nisbah semasa syarikat berada di bawah 1.0 (nota: merupakan nisbah di antara aset semasa dengan liabiliti semasa adalah

kurang daripada 1) bagi tahun kewangan 2015, 2016, 2017 dan 2018 seperti di **Lampiran 3**. Selain itu, mengikut Laporan Isu Kelewatan *Physical Handover* LCS bertarikh 27 Mei 2019 pula yang disediakan oleh Pasukan Projek LCS, ekoran masalah komersial di mana terdapat tujuh (7) OEM memutuskan untuk *stop work* iaitu terdiri daripada berikut:

- i. Thales Underwater System – *Towed Array Sonar*
 - ii. Rohde Schwarz – *Communication System*
 - iii. Rheinmetall – *Fire Control System*
 - iv. Axima Concept SA – *Accommodation, Piping, Heating Ventilation and Air Conditioning (IHVAC)*
 - v. Palfinger Ned Deck – *Boat Davit*
 - vi. Esterline Belgium BVBA – *Integrated Flat Display System*
 - vii. Polyamp AB – *Degaussing System*
- e) Kekurangan tenaga kerja pengimal (*welder*) dan *Quality Control* yang berkemahiran untuk melaksanakan kerja pembinaan. Ini disebabkan faktor gaji dan kelewatan pembayaran kepada sub kontraktor menyebabkan sub kontraktor luar dari limbungan Lumut enggan mengambil risiko untuk menghantar *welder* mereka.

Kemajuan Kerja Pembinaan Tidak Mengikut *Payment Plan Data Dictionary* Dalam Kontrak

6.3.14 BNS gagal menyiapkan kerja mengikut *Payment Plan Data Dictionary* (*Annex to Schedule 5B* kepada kontrak utama).

Mengikut *Payment Plan Data Dictionary*, sebanyak RM683 juta nilai kerja-kerja sepatutnya boleh dikemukakan kepada pihak

TERBUKA

Kerajaan, memandangkan kerja-kerja tersebut tidak disiapkan sepenuhnya, maka tuntutan tidak boleh dilakukan.

- 6.3.15 Kerja-kerja tersebut melibatkan pembinaan struktur blok kapal bagi LCS 2 dan LCS 3 yang sepatutnya disiapkan pada tahun 2016, 2017 dan awal 2018 tetapi sehingga Mei 2019 masih dalam pembinaan. Selagi blok ini masih belum disiapkan sepenuhnya, kerja pembinaan dan pemasangan peralatan seterusnya tidak dapat dilaksanakan. Butiran perihal kerja mengikut *Payment Plan Data Dictionary* yang belum disiapkan adalah seperti di Jadual 28.

**JADUAL 28
PERIHAL KERJA YANG TIDAK DISIAPKAN**

| BIL. | RUJUKAN BAYARAN | PERIHAL KERJA MENGIKUT PAYMENT PLAN DATA DICTIONARY TAPI BELUM SIAP | TARIKH RANCANG ASAL BAYARAN | TARIKH RANCANG BAYARAN PINDA* | JUMLAH (RM JUTA) |
|---------------------------|-----------------|---|-----------------------------|-------------------------------|------------------|
| 1. | 13D | <i>G13D => MES Final Design Review Group 2D</i> | Nov-16 | Jun-19 | 10 |
| 2. | 27/ LCS 1-8 | <i>Blocks Erection completed</i> | Okt-17 | Okt.-19 | 60 |
| 3. | 33B/LCS2-6B | <i>Erection of group 4 blocks</i> | Dis-17 | Sep-19 | 33 |
| 4. | 34/ LCS2-7 | <i>Shore Supply Power Up</i> | Dis-17 | Nov-18 | 45 |
| 5. | 35/LCS1-10 | <i>Installation of PSIM completed</i> | Dis-17 | Nov-18 | 25 |
| 6. | 36/LCS 2-8 | <i>Blocks Erection Completed</i> | Feb-18 | Okt-18 | 60 |
| 7. | 37B/LCS3-4B | <i>Erection of group 2 blocks</i> | Apr-18 | Jul-18 | 33 |
| 8. | 38/ G15 | <i>Spares list with NSN completed</i> | Mar-18 | 2019 | 5 |
| 9. | 39/ LCS 1-11 | <i>Platform Harbour Acceptance Test (HAT) completed</i> | Apr-18 | 2019 | 35 |
| 10. | 40/LCS2-9 | <i>Launching</i> | Mei-18 | Nov-18 | 45 |
| 11. | 41B/ LCS3-5B | <i>Erection of group 3 blocks</i> | Ogos-18 | Nov-18 | 24 |
| 12. | 44B/ LCS 3-6B | <i>Erection of groups 4 blocks</i> | Nov-18 | Okt-19 | 24 |
| 13. | 45/LCS 3-7 | <i>Shore Supply Power Up</i> | Sep-18 | 2019 | 45 |
| 14. | 47/LCS2-10 | <i>Installation of PSIM Completed</i> | Okt-18 | Dis-19 | 25 |
| 15. | 48/ LCS 1-12 | <i>Platform SAT completed</i> | Okt-18 | 2019 | 70 |
| 16. | 49/LCS 1-13 | <i>CS HAT Completed</i> | Nov-18 | 2019 | 60 |
| 17. | 50/LCS 3-8 | <i>Blocks Erection Completed and accepted by the RMN</i> | Dis-18 | 2019 | 60 |
| 18. | 51B/ LCS4-4B | <i>Erection of groups 2 blocks</i> | Dis-18 | Okt-19 | 24 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | | | | 683 |


Nota : (1) Sumber : Laporan Kemajuan Pasukan Projek LCS 31 Mei 2019
Jadual pembayaran Tahun 2018 (Third Supplementary Contract)




- 6.3.16 Jawatankuasa Siasatan mendapati wujud kelemahan ketara dalam perancangan dan pelaksanaan projek LCS khususnya BNS dalam menyelesaikan isu-isu seperti perolehan peralatan; *detailed design and production drawings*; kemajuan pembinaan yang tidak memuaskan dan cekap serta masalah kewangan yang dihadapi BNS.
- 6.3.17 Susulan kelewatan dalam perlaksanaan projek LCS, pada 20 Disember 2018, BNS telah memajukan permohonan perubahan (VP) *Implementation Schedule* untuk melanjutkan tempoh penyerahan LCS 1 , LCS 2 dan LCS 3. KEMENТАH telah mengangkat permohonan Arahan Perubahan Kerja (VO) tersebut kepada MOF pada 14 Februari 2019. Permohonan ini tidak dipertimbangkan oleh MOF kerana maklumat dan ulasan yang dikemukakan oleh KEMENТАH tidak lengkap. BNS telah kemukakan VP 2 kepada KEMENТАH pada 17 Mei 2019.

BNS perlu kemukakan VO mengikut komponen-komponen projek dalam kontrak. Ini kerana terdapat perbezaan sebab-sebab kelewatan mengikut komponen. BNS tidak boleh meletakkan semua komponen menyebabkan punca kelewatan. Sedangkan sesetengah komponen yang lewat adalah disebabkan BNS sepenuhnya.

Status terkini projek LCS pelaksanaan projek termasuk cadangan perubahan penyerahan fizikal kapal adalah seperti di **Rajah 2**.



RAJAH 2
STATUS PROJEK LCS SETAKAT 31 MEI 2019



Sumber: Dokumen Taklimat Markas Tentera Laut Diraja Malaysia

Prestasi Pembayaran Projek

- 6.3.18 Berdasarkan Unit Pembangunan dan Kewangan, KEMENТАH, sehingga 31 Mei 2019, KEMENТАH telah membayar sejumlah RM5.936 bilion atau 65.03% daripada kos projek berjumlah RM9.128 bilion. Bayaran ini termasuk bayaran pendahuluan sejumlah RM1.365 bilion untuk *design right, hardware dan software*, bayaran kemajuan projek serta *Factory Acceptance Test (FAT)*.

Peningkatan Keseluruhan Kos Kontrak Perolehan LCS

- 6.3.19 Berdasarkan kelulusan awal UPE, had bumbung yang diluluskan bagi projek ini adalah sebanyak RM9 bilion. Pada 11 Disember 2014, MOF telah meluluskan permohonan KEMENТАH untuk kos faedah pinjaman sebanyak RM128.6 juta yang akan dibiayai secara bersama oleh BNS dan Kerajaan pada kadar 50:50. Ini bermakna kos

keseluruhan perolehan LCS telah meningkat kepada RM9.128 billion.

- 6.3.20 Merujuk Para 6.2.10, MOF telah meluluskan secara rundingan terus perolehan peralatan *Integrated Logistic Support* (ILS) berjumlah RM600 juta kepada BNS. ILS merupakan peralatan wajib dibekalkan dan perolehannya tentu akan meningkatkan kos kontrak perolehan LCS kepada RM9.7286 billion. (RM9.1286 billion + RM600 juta).
- 6.3.21 Jawatankuasa Siasatan menjangkakan kos pembinaan enam (6) buah LCS akan terus meningkat susulan pertukaran peralatan utama yang turut juga melibatkan implikasi masa tambahan penyerahan kapal. Berdasarkan surat syarikat BNS bertarikh **16 Julai 2019**, bagi menyiapkan pembinaan keenam-enam LCS memerlukan anggaran tambahan kos sebanyak RM1,416.44 juta yang terdiri daripada kos langsung berjumlah RM58.41 juta dan juga kos tidak langsung berjumlah RM1,358.03 juta akibat pertukaran peralatan dan *Implementation Schedule*. Kos tidak langsung melibatkan pelanjutan tempoh *Basic Design*, *Design Authority*, jadual penghantaran peralatan, waranti, insurans dan kos kewangan serta sumber lain. Ini menjadikan anggaran keseluruhan kos projek berjumlah RM11.145 bilion (sehingga laporan ini dikemukakan kepada YB Menteri Pertahanan).
- 6.3.22 Pertukaran peralatan dan cadangan *Implementation Schedule* adalah seperti di Jadual 29.




SULIT

Jawatankuasa Siasatan Tadbir Urus, Perolehan & Kewangan Kerajaan (JKSTUPKK) 06/2019 -LCS

JADUAL 29
PERMOHONAN VARIATION PROPOSAL OLEH BOUSTEAD NAVAL SHIPYARD SDN. BHD

| BIL | ITEM/ USUL OLEH | JENAMA PERALATAN ASAL | JENAMA PERALATAN BAHARU | TARIKH KEMENTAH BERSETUJU | TARIKH PERMOHONAN | | IMPLIKASI KOS (RM JUTA) |
|---------------------------|--|---|-------------------------------------|---------------------------------|--|----------|-------------------------------|
| | | | | | BNS | KEMENTAH | |
| KOS LANGSUNG | | | | | | | |
| 1. | <i>Surface to Surface Missile (SSM) /</i> Diusul oleh KEMENTAH dan disetujui oleh BNS | Exocet MM40 (MBDA) | Naval Strike Missile (Kongsberg) | 03.10.14 | 05.09.17 | 08.10.14 | 38.00 |
| 2. | <i>Decoy Launching System (DLS)/</i> Diusul oleh KEMENTAH | <i>Super Barricade Advanced Decoy Launcher System</i> (Wallop Defence Systems Limited – WDSL) | SYLENA MK 2 (Etienne Lacroix Group) | 09.01.17 | 17.08.18 20.12.18 17.05.19 | 14.02.19 | 7.13 |
| 3. | <i>Integrated Platform Management System (IPMS) /</i> Diusul oleh KEMENTAH | MTU, Collusum | MTU - L3 MAPPS (Hybrid) | 10.07.17 | 09.01.18 17.08.18 09.11.18 20.12.18 17.05.19 | 14.02.19 | 13.28 |
| JUMLAH | | | | | | | 58.41 |
| KOS TAK LANGSUNG | | | | | | | |
| 4. | <i>Implementation Schedule /</i> Diusul oleh BNS | - | TB | 20.12.18 17.05.19 | 14.02.19 | | 1,358.03 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | | | | | | 1,416.44 |

Sumber: Permohonan VP oleh Syarikat BNS



6.3.23 Klaus berhubung pertukaran peralatan dinyatakan seperti di Jadual 30.

JADUAL 30
KLAUSA BERHUBUNG VARIATION PROPOSAL DAN VARIATION ORDER

| KLAUSA | KANDUNGAN |
|--------|---|
| 20.1. | No variation shall be made to the Vessel and Integrated Logistics System after the signing of this Contract other than by means of a Variation Order in the form as set out in Schedule 12. In the event a variation is requested by the GOVERNMENT: |
| 20.4.1 | the GOVERNMENT shall submit to the SUPPLIER a written request specifying the variation intended; |
| 20.4.2 | within thirty (30) days upon receiving such request, the SUPPLIER shall submit a Variation Proposal to the GOVERNMENT specifying the following information: a. the effect of the variation on the performance of the Vessel; b. the estimated time taken to carry out the variation; c. the estimated costs for the variation; and d. the effect of the variation on the Implementation Schedule. If the SUPPLIER requires more time to submit the Variation Proposal, the SUPPLIER shall before the expiry of the thirty (30) days, formally request for an extension of time and the additional period shall be mutually agreed. |
| 20.4.3 | the GOVERNMENT shall analyze and evaluate the Variation Proposal and notify the SUPPLIER of its approval or non-approval within sixty (60) days from the date of receipt of the Variation Proposal. If the GOVERNMENT requires more time to make their decision, the GOVERNMENT shall before the expiry of the sixty (60) days, formally request for an extension of time and the additional period shall be mutually agreed. If the GOVERNMENT fails to notify the SUPPLIER in accordance with Clause 20.3.2 or Clause 20.4.3, such Variation Proposal shall be deemed rejected. |
| 20.6 | The SUPPLIER shall only proceed with the variation upon receipt of the approved Variation Order as per Schedule 12, from the GOVERNMENT. |
| 20.7 | Every Variation Order shall be in writing and shall set forth in detail the effect of the variation on the Vessel, ILS, Total Contract Price, payment terms, Implementation Schedule, performance capability, design, Training and interchangeability of spares and/or special tools or any other matters substantive to this Contract. |
| 20.8 | The Variation Order which have been approved by the GOVERNMENT shall form an integral part of the Contract. The SUPPLIER shall be entitled to claim from the GOVERNMENT in respect of the Variation Order, the following: |
| 20.9.1 | costs of any variation if it affects the Total Contract Price; and |
| 20.9.2 | an extension of the Implementation Schedule of Physical Handover of the Vessel equivalent to the time taken to carry out the variation in accordance with the schedule. |
| 20.10 | The Variation Orders shall eventually be formalised by way of a Supplementary Contract in accordance with Clause 49. |
| 49.1 | No modification or amendment or waiver of any of the provisions of this Contract shall be effective unless made by mutual consent and made in writing by way of supplementary contract which specifically referring to this Contract and duly sign by the Parties. The amendments shall be read and construed as part of this Contract. |

TERBUKA

**Pertukaran Jenama Model *Surface to Surface Missile (SSM)*
Daripada MBDA Exocet Kepada NSM, Kongsberg, Norway**

6.3.24 Pada asalnya iaitu 30 Mei 2011, TLDM memilih **SSM** daripada jenama *Naval Strike Missile (NSM)* Kongsberg Defense & Aerospace (KDA) tetapi tidak dipersetujui oleh **KEMENTAH** yang memilih jenama **MBDA Exocet (DCNS)**. Surat Setuju Terima (LOA) telah dikeluarkan kepada DCNS pada 17 Disember 2012 dan fasa *Basic Design* bermula pada 3 Oktober 2013. Namun, TLDM telah membuat rayuan untuk memilih NSM berdasarkan teknologi terkini (aerodinamik, *stealth*, jarak misil memenuhi spesifikasi *Contract Building Specification (CBS)*, kos perolehan dan penyelenggaraan lebih murah, tidak terlalu bergantung pada MBDA. KEMENTAH telah kemukakan permohonan pertukaran SSM kepada MOF pada 8 Oktober 2014 dan seterusnya diluluskan pertukaran oleh MOF pada 23 Januari 2015. **Penukaran skop SSM ini dimaklumkan kepada BNS pada 13 Februari 2015.** Siasatan mendapati perkara berikut:


- a) Notis pertukaran dikemukakan pada 13 Februari 2015 kepada BNS setelah kelulusan MOF diperoleh pada 23 Januari 2015. Tindakan ini bertentangan dengan **Klausula 20.4.1** yang mana perlu maklum BNS terdahulu untuk lakukan kajian reka bentuk dan impak pertukaran.
- b) BNS memajukan *Variation Proposal (VP)* Pertama pada 28 Ogos 2015, kelewatan selama 166 hari berbanding sepatutnya 30 hari dari tarikh notis pertukaran pada 13 Februari 2015 sebagaimana kehendak Klausula 20.4.2. Mengikut BNS, kelewatan ini disebabkan proses rundingan harga dan skop teknikal dengan Naval Group dan hasilnya mendapatkan pengurangan harga sebanyak 30%. Proses permohonan VP adalah seperti di Jadual 31.

JADUAL 31
PERTUKARAN JENAMA MODEL SURFACE TO SURFACE MISSILE (SSM) DARIPADA
MBDA EXOCET KEPADA NSM, KONGSBERG, NORWAY

| BIL. | TARIKH VP | IMPAK KOS | IMPAK MASA | KETERANGAN SEBAB & KESAN | |
|--|------------|---|--------------------------|---|--|
| <i>Letter of Award dikeluarkan kepada Kongsberg Defence Aerospace pada 8 April 2015 dengan kos EUR19.98 juta</i> | | | | | |
| 1. | 28.08.2015 | EURO 13.12 juta (RM61 juta) | LCS 1 +4 bulan; | <ul style="list-style-type: none"> a. Impak kos dikurangkan oleh BNS sebanyak 30% menjadikan kos berjumlah RM42 juta. b. Impak kos mengambil kira kerja berulang dan aktiviti pemasangan peralatan dan fabrikasi <i>heating and air conditioning</i>. | |
| 2. | 05.09.2017 | <i>Subject To Appeal</i> | <i>Subject to appeal</i> | <ul style="list-style-type: none"> a. BNS tetap menyatakan pertukaran SSM mempunyai implikasi kos dan masa. b. Kenyataan "<i>subject to appeal</i>" bermaksud "<i>silence on cost</i>" dan bukan "<i>no cost impact</i>". | |
| | 24.11.2017 | Pertukaran SSM ini akhirnya dimuktamadkan dengan termeterainya <i>Fourth Supplementary Contract</i> bertarikh 24 November 2017 tanpa peningkatan kos dan tempoh masa. | | | |

c) Jawatankuasa Siasatan mendapati BNS telah mengeluarkan SST kepada DCNS dan melakukan kerja *basic design* peralatan SSM MBDA Exocet seawal pada tahun 2012 dan 2013, sungguhpun kontrak dengan Kerajaan masih belum ditandatangani. **Risiko yang ditanggung BNS amat besar berkontrak dengan pihak OEM sebelum Kerajaan menandatangani kontrak perolehan LCS dengan BNS pada 17 Julai 2014.**

d) Jawatankuasa Siasatan mendapati BNS telah memajukan tuntutan kepada Kerajaan bagi kos Pertukaran Jenama Model *Surface to Surface Missile (SSM)* sebanyak RM38 juta. Namun begitu, Jawatankuasa Siasatan berpendapat BNS tidak wajar mengemukakan tuntutan kepada Kerajaan dan Kerajaan tidak wajar mempertimbangkan permohonan berkenaan kerana pertukaran tersebut telah dipersetujui secara bersama



oleh kedua-dua pihak melalui kontrak tambahan bertarikh 24 November 2017.

Pertukaran *Decoy Launching System (DLS) Jenama Super Barricade, Wallop Defence System Ltd. Kepada Sylene Mk2, Lacroix Defence)*

- 6.3.25 Pada asalnya sistem pelancar atau DLS yang diperolehi untuk dipasang kepada LCS adalah berjenama *Super Barricade* dari syarikat pengeluarnya Wallop Defence System Ltd. (WDSL), United Kingdom. Pada 8 Januari 2016, TLDM telah mengarahkan BNS untuk menjalankan kajian terhadap opsyen dan impak pertukaran DLS bagi menentukan elemen *supportability and maintainability*.
- 6.3.26 Hasil kajian yang dikemukakan oleh BNS kepada TLDM pada 1 Februari 2016 telah menyatakan perkembangan tahap kemajuan kerja WDSL, impak pertukaran DLS ke atas integrasi kepada sistem lain, pembatalan kontrak yang meterai dan tambahan kos berjumlah RM79.2 juta serta masa tambahan 12 hingga 14 bulan bagi penyerahan LCS 1. **Semakan terhadap latar belakang kestabilan WDSL turut dilakukan oleh BNS dan berpuas hati dengan komitmen kesinambungan perniagaan WDSL.** Seterusnya, BNS mencadangkan KEMENTAH untuk mengekaikan *Super Barricade* bagi mematuhi jadual penyerahan kapal dan kos projek. Siasatan selanjutnya mendapat perkara berikut:

- a) Pada 29 Ogos 2016, TLDM menerima surat Wallop Defence System Ltd (WDSL) yang telah diambil alih oleh Lacroix Defence, Perancis. Ini bermakna kemungkinan WDSL tidak dapat membekalkan ammunition bagi *Super Barricade Advanced Decoy Launcher System* dan isu supportability ini dijangka hanya

bertahan 15 tahun. Lacroix Defence mencadangkan Sylena Mk2 bagi menggantikan *Super Barricade*.

- b) TLDM mengemukakan notis pertukaran kepada BNS pada 9 Januari 2017 dengan syarat tiada impak kos tambahan. BNS pada 25 April 2017 telah memajukan status kajian penilaian penukaran *Decoy Launching System* (DLS) jenama Super Barricade, Wallop Defence System Ltd. kepada Sylena Mk2 dengan komitmen impak masa kepada Kerajaan. Namun kosnya akan diserapkan oleh BNS tertakluk kelulusan pertukaran dimuktamadkan dengan segera oleh Kerajaan. Jawatankuasa Siasatan mendapati maklum balas kajian penilaian yang dikemukakan oleh BNS kepada KEMENTAH pada 25 April 2017 telah terlewat 76 hari yang sepatutnya dalam tempoh 30 hari seperti mana diperuntukkan dalam Klausula 20.4.1.
- c) Beberapa sesi mesyuarat diadakan di antara Pasukan Projek LCS/TLDM dan BNS. Akhirnya BNS memajukan VP seperti di **Jadual 32**.

JADUAL 32
**PERTUKARAN DECOY LAUNCHING SYSTEM (DLS) DARI JENAMA SUPER BARRICADE,
 WALLOP DEFENCE SYSTEM LTD. KEPADA SYLENA MK2 OLEH BNS**

| BIL. | TARIKH VP | IMPAK KOS | IMPAK MASA | KETERANGAN SEBAB DAN KESAN |
|--|------------|--|--|---|
| <i>Letter of Award</i> dikeluarkan kepada Etienne Lacroix pada 2 Oktober 2017 dengan kos EUR 4.5 juta. | | | | |
| VP1 | 12.01.2018 | Tiada tambahan kos | Tambahan tempoh serahan kapal: LCS 1 + 14 bln LCS 2 + 8 bln LCS 3 + 2 bln | a. Impak kos diserap oleh BNS sekiranya pertukaran dimuktamadkan dengan kadar segera dan impak masa diluluskan. |
| VP2 | 17.08.2018 | RM174.98 juta (RM95.35 + RM79.63) / | Tambahan tempoh serahan kapal: | a. <i>Sunk cost</i> bagi sumber manusia, <i>rework</i> dan <i>reloop</i> |

TERBUKA

| BIL. | TARIKH VP | IMPAK KOS | IMPAK MASA | KETERANGAN SEBAB DAN KESAN |
|------|------------|---|--|--|
| | | RM 239 juta (3 VO) | LCS 1 + 20 bulan LCS 2 + 14 bulan LCS 3 + 8 bulan | dan kerja yang dilaksanakan. b. Notis pertukaran dikeluarkan di pertengahan fasa reka bentuk. c. Impak kos tidak lagi dapat diserap oleh BNS disebab lewat memuktamadkan VP. d. Terdapat <i>indirect cost</i> RM238.9 juta sepatutnya dikongsi bersama IPMS, DLS dan SSM. |
| VP3 | 20.12.2018 | <i>"To be discussed and determined later"</i> | Tambahan tempoh serahan kapal: LCS 1 + 20 bulan LCS 2 + 14 bulan LCS 3 + 8 bulan | a. Kesan kepada <i>Basic Design</i> bagi struktur DLS launcher Pembangunan semula ke atas beberapa sistem berkaitan dengan peralatan utama. |
| VP4 | 17.05.2019 | RM7.13 juta | Tambahan tempoh serahan kapal: LCS 1 + 34 bulan LCS 2 + 32 bulan LCS 3 + 30 bulan LCS 4 + 28 bulan LCS 5 + 26 bulan LCS 6 + 24 bulan | b. Kesan kepada pengurusan pentadbiran kontrak dengan, Wallop Naval Group, Lacroix dan Naval Group dan pembekal lain. |

Sumber: Fail TLDM dan BNS

Penukaran Jenama Model *Integrated Platform Management System* (IPMS) Dari MTU Callosum Kepada L3 MAPPS


6.3.27 BNS telah memulai proses reka bentuk IPMS, MTU Callosum pada April 2013 yang mana kerja *Preliminary Design Review* (PDR) sepatutnya disiapkan pada Disember 2014. Bagaimanapun, pembangunan IPMS yang perlahan menyebabkan ia gagal diselesaikan pada November 2016 seperti mana tarikh yang ditetapkan oleh Mesyuarat Lembaga Pengurusan Keupayaan TLDM pada 16 Mei 2016. Jawatankuasa Siasatan selanjutnya mendapati perkara berikut:

- a) Berdasarkan kelewatan BNS memuktamadkan reka bentuk IPMS, maka pada 22 November 2016, TLDM



mencadangkan BNS menjalankan satu *feasibility study* menggunakan *hybrid* bagi MTU Callosum di mana sebahagian modul menggunakan sistem lain dengan syarat tidak melibatkan kos. Mengikut TLDM, pendekatan ini dapat mempercepatkan pembangunan reka bentuk IPMS menggunakan *modul commonality* dengan armada TLDM dan *proven system*. Maklum balas kajian tersebut perlu dikemukakan oleh BNS sebelum 20 Januari 2017.

- b) Pada 10 April 2017, BNS memaklumkan kajian pembangunan IPMS *hybrid* MTU Callosum boleh dilaksanakan dengan L3 MAPPS tanpa impak kos tetapi tambahan masa bagi serahan LCS 1 selama 12 bulan dan LCS 2 selama 6 bulan. Pembangunan *hybrid* IPMS ini melibatkan penentuan ciri-ciri *commonality* spesifikasi *Contractual Building Specification* (CBS) bagi MTU Callosum dan L3 MAPPS. Pada 10 Julai 2017, TLDM bersetuju dengan penggunaan *hybrid* IPMS.
- c) Selanjutnya, beberapa sesi mesyuarat diadakan antara Pasukan Projek LCS dan BNS dengan membentangkan status dan menyatakan impak masa. **Seterusnya VP dimajukan oleh BNS tetapi sehingga kini masih belum mendapat kelulusan KEMENTAH dan MOF.** Butiran permohonan VP BNS adalah seperti di Jadual 33.



JADUAL 33
PERTUKARAN JENAMA MODEL *INTEGRATED PLATFORM MANAGEMENT SYSTEM (IPMS)* DARI MTU CALLOSUM KEPADA L3 MAPPS

| BIL. | TARIKH VP | IMPAK KOS | IMPAK MASA | KETERANGAN SEBAB DAN KESAN |
|---|------------|--|--|--|
| <i>Letter of Award (LOA) dikeluarkan kepada L3 MAPPS pada 14 Jun 2017 dengan kos RM56 juta.</i> | | | | |
| VP1 | 09.01.2018 | Tiada tambahan kos | Tambahan tempoh serahan kapal LCS 1 + 14 bulan LCS 2 + 8 bulan LCS 3 + 3 bulan | <ul style="list-style-type: none"> a. Impak kos diserap oleh BNS. b. <i>Reroop IPMS Interface Design.</i> c. Kerja pembangunan IPMS dihentikan selama 6 minggu untuk elakkan impak kos. |
| VP2 | 17.08.2018 | RM136.45 (RM56.82 juta + RM79.63) / RM238.99 juta (3 VO) | Tambahan tempoh serahan kapal: LCS 1 + 20 bulan LCS 2 + 14 bulan LCS 3 + 8 bulan | <ul style="list-style-type: none"> a. Impak kos tidak lagi dapat diserap oleh BNS. b. <i>Sunk cost</i> bagi sumber manusia, <i>rework and reroop</i> dan kerja yang dilaksanakan. c. Kerja <i>rework and reroop</i> konsep integrasi sistem secara menyeluruh. d. Terdapat <i>indirect cost</i> M238.9 juta sepatutnya dikongsi bersama IPMS, DLS dan SSM). |
| VP3 | 09.11.2018 | RM56.82 juta | Tambahan tempoh serahan kapal: LCS 1 + 20 bulan LCS 2 + 14 bulan LCS 3 + 8 bulan | |
| VP4 | 20.12.2018 | <i>"To be discussed and determined later"</i> | Tambahan tempoh serahan kapal: LCS 1 + 20 bulan LCS 2 + 14 bulan LCS 3 + 8 bulan | <ul style="list-style-type: none"> a. Kesan kepada <i>Basic Design</i> bagi struktur IPMS. b. Pembangunan semula dan perubahan <i>IPMS hardware and software</i> serta sistem peralatan lain yang berkaitan. c. Kesan kepada pengurusan pentadbiran kontrak dengan, MTU dan L3 MAPPS dan Naval Group ke atas <i>Basic Design</i> dan pembekal lain yang berkaitan. d. Kesan kepada dokumentasi reka bentuk, operator IPMS dan manual senggaraan. |
| VP5 | 17.05.2019 | RM13.29 juta | LCS 1 + 34 bulan LCS 2 + 32 bulan LCS 3 + 30 bulan LCS 4 + 28 bulan LCS 5 + 26 bulan LCS 6 + 24 bulan | |

Sumber: Permohonan Variation Proposal oleh Syarikat BNS



Implementation Schedule Meliputi Schedule 5B - Progress Payment Plan dan Annex A to Schedule 5B – Payment Data Plan Dictionary

6.3.28 Perlaksanaan projek LCS mengalami kelewatan yang ketara sebagaimana dihuraikan dalam Para 6.3. Pada **20 Disember 2018, BNS mengemukakan permohonan VP bagi *Implementation Schedule* untuk perlanjutan tempoh penyerahan LCS 1, LCS 2 dan LCS 3.** Seterusnya, KEMENТАH mengangkat permohonan VP tersebut kepada MOF pada 14 Februari 2019. Namun, pada **20 Mac 2019, MOF memaklumkan permohonan ini tidak dipertimbangkan kerana:**


- a) Anggap perolehan ini sebagai kontrak bekalan;
- b) KEMENТАH tidak memberikan sebarang ulasan ke atas perubahan yang dicadangkan oleh BNS;
- c) KEMENТАH perlu pertimbangkan implikasi tambahan kos sebelum mengangkat kepada MOF;
- d) KEMENТАH hendaklah membentangkan cadangan perubahan dalam Lembaga Perolehan KEMENТАH sebelum diangkatkan untuk pertimbangan MOF;
- e) KEMENТАH perlu mendapat pandangan dan ulasan Bahagian Undang-undang.

6.3.29 Susulan itu, pada **17 Mei 2019, BNS sekali lagi mengemukakan VP *Implementation Schedule*, dengan impak kos berjumlah RM1.375 bilion (*worst case scenario*) dan RM693.57 juta (*optimistic case scenario*) dengan syarat diluluskan pada Jun 2019. Penetapan kos ini mengambil kira masa bagi melaksanakan *Basic Design*, lanjutan tempoh *warranty*, kos kewangan dan insurans. VP ini turut memberi impak perlanjutan tempoh penyerahan kapal LCS selama**

TERBUKA

antara 32 hingga 72 bulan berkuat kuasa tarikh kelulusan arahan perubahan (VO) oleh MOF. Butirannya seperti di Jadual 12.


- 6.3.30 Jawatankuasa Siasatan mendapati **kelemahan KEMENTAH dan BNS menangani pertukaran DLS dan IPMS menyebabkan ia berlarutan.** Sungguhpun, di peringkat awal perbincangan, BNS bersetuju untuk menyerapkan kos pertukaran bagi DLS dan IPMS tetapi TLDM tidak menyelesaikan isu pertukaran kedua-dua peralatan tersebut dengan segera. Akibatnya impak kos dan tambahan masa tidak dapat dielakkan kerana pertukaran peralatan melibatkan perubahan OEM sebelum dan selepas serta sumber lain yang perlu diambil kira bagi merealisasikan pertukaran tersebut.
- 6.3.31 Bagaimanapun, pengiraan impak kos oleh BNS tidak munasabah dan realistik, malahan tidak ada formula pengiraan berkenaan di dalam mana-mana klausa kontrak. Didapati pada VP bertarikh 17 Ogos 2018, impak kos bagi IPMS dan DLS adalah tinggi diturunkan dengan drastik pada VP bertarikh 17 Mei 2019 iaitu 90.25% bagi IPMS dan 95.93% bagi DLS. Seterusnya, permohonan perlanjutan masa pula bukan hanya disumbangkan oleh lewatnya proses pertukaran IPMS dan DLS tetapi aspek *Detail Design, Production Drawings, perbekalan steel kits* dan aktiviti pembinaan serta isu *stop work* OEM ekoran aliran tunai yang dihadapi BNS. Jawatankuasa Siasatan berpandangan, impak kos dan tambahan masa perlu diperincikan mengikut elemen dan skop kontrak dan pihak-pihak yang perlu dipertanggungjawabkan.



Permohonan Tambahan Peruntukan Dan Extension of Time

6.3.32 Jawatankuasa Siasatan mendapati, kelulusan VO dan pemberian EOT kepada BNS bukanlah satu jaminan kepada Kerajaan bahawa enam (6) buah kapal tersebut berjaya disiapkan dalam tempoh EOT yang diberikan sekiranya kelemahan-kelemahan berikut tidak di atasi, iaitu:

- a) BNS perlu menyelesaikan terlebih dahulu kelemahan pengurusan dalam syarikat khususnya berkaitan kelewatan menyiapkan *Detailed Design*;
- b) Pihak TLDM selaku *end user* perlu memastikan tidak berlaku arahan-arahan perubahan yang di luar daripada kandungan kontrak. Didapati sebelum ini, beberapa arahan perubahan kontrak telah menyumbang kepada kelewatan pelaksanaan projek;
- c) BNS mengalami aliran tunai yang sangat kritikal di mana kerugian terkumpul syarikat semenjak tahun 2014 sehingga 2018 meningkat sebanyak 2,434%. Malahan jumlah aset semasa berbanding liabiliti semasa bernisbah kurang dari satu; dan
- d) Didapati modal berbayar BNS adalah sebanyak RM130,000,003 adalah kecil berbanding dengan jumlah perolehan yang sedang dilaksanakan bernilai RM9.128 bilion iaitu kurang daripada 2%. Nisbah ini jelas menunjukkan keupayaan kewangan syarikat yang tidak setara dengan nilai projek yang dilaksanakan. Sekiranya syarikat BNS gagal menyiapkan projek, ia mendedahkan risiko yang amat tinggi kepada Kerajaan.



Kontrak Lewat Ditandatangani

6.3.33 Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan supaya kontrak hendaklah ditandatangani dalam tempoh empat (4) bulan selepas SST dikeluarkan. Bagi perolehan ini didapati tiga SST telah dikeluarkan di antara tahun 2011 hingga 2014. Jawatankuasa Siasatan mendapati perkara berikut:

- a) SST telah dikeluarkan pada 16 Disember 2011 dan menyatakan satu kontrak rasmi akan disempurnakan kemudiannya dengan memasukkan semua termā tawaran termasuk bayaran wang pendahuluan berjumlah RM500 juta. Bagaimanapun, kontrak gagal ditandatangani dalam tempoh empat (4) bulan seperti yang ditetapkan peraturan sehinggalah SST Pindaan Pertama dikeluarkan pada 27 September 2013 iaitu selepas 651 hari (anggaran 21 bulan) daripada tarikh SST asal.
- b) Didapati **SST Pindaan Pertama** ini dikeluarkan bagi penetapan nilai kontrak sebanyak RM9 bilion dan juga tambahan bayaran pendahuluan berjumlah RM700 juta yang akan dilaksanakan secara berperingkat menjadikan jumlah wang pendahuluan kepada RM1.2 bilion seperti yang diluluskan oleh MOF dalam surat bertarikh 12 September 2013.
- c) Seterusnya, pada **6 Januari 2014, SST Pindaan Kedua** dikeluarkan melibatkan pindaan kepada tambahan bayaran wang pendahuluan ketiga berjumlah RM170 juta yang mana hanya sejumlah RM164,997,803 dibayar menjadikan jumlah keseluruhan wang pendahuluan sebanyak RM1,364,997,803. Kontrak masih belum ditandatangani iaitu sehingga 101 hari daripada tarikh SST Pindaan Kedua dikeluarkan. Bagaimanapun, akhirnya kontrak telah

ditandatangani pada 17 Julai 2014 iaitu kelewatan selama 73 hari daripada tarikh SST Pindaan Kedua ditandatangani pada 6 Januari 2014. Butirannya adalah seperti di **Jadual 34** berikut:

JADUAL 34
TEMPOH MENANDATANGANI KONTRAK

| SURAT SETUJU TERIMA | | TARIKH KONTARK DITANDATANGANI | TEMPOH KELEWATAN (HARI) |
|---------------------|----------------|-------------------------------|-------------------------|
| TARIKH | ASAL / PINDAAN | | |
| 16.12. 2011 | Asal | - | 651 |
| 27.09. 2013 | Pertama | - | 101 |
| 06.01. 2014 | Kedua | 17.07.2014 | 73 |

Sumber: Fail Bahagian Perolehan

Jawatankuasa Siasatan mendapati, kontrak mengambil masa yang lama untuk ditandatangani daripada tarikh SST asal dikeluarkan disebabkan menangani tuntutan BNS bagi bayaran pendahuluan, penggunaan *dual currency* dan pengecualian *withholding tax* di mana pada peringkat awal tidak dipersetujui oleh Kerajaan tetapi kemudiannya diluluskan (dimeterai dalam *Supplementary Contract*) dan proses rundingan harga yang berlarutan untuk dimuktamadkan.

Bon Pelaksanaan Terkurang Dikutip Dan Tidak Meliputi Tempoh Ditetapkan

- 6.3.34 Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil 5 Tahun 2007 (SPP Bil 5 Tahun 2007), bon pelaksanaan adalah merupakan suatu aku janji tidak bersyarat oleh sesuatu institusi kewangan dibenarkan oleh Perbendaharaan untuk membayar kepada Kerajaan suatu amaun atas tuntutan (*on demand*) sekiranya kontraktor tidak atau gagal mematuhi dan melaksanakan obligasi kontrak. Pengiraan bon adalah lima peratus (5%) daripada jumlah harga kontrak bekalan/kerja yang bernilai melebihi RM500 juta. Jawatankuasa Siasatan mendapati perkara berikut:

TERBUKA

- a) Pada 13 Mac 2013, MOF telah memberikan pengecualian kepada BNS daripada mematuhi SPP Bil 5 Tahun 2007, dengan menetapkan pengiraan bon pelaksanaan mengikut nilai harga kontrak setahun dengan kadar 5% dan bukan berdasarkan harga kontrak. Sepatutnya bon yang perlu dikemukakan kepada KEMENTAH berjumlah RM450 juta tetapi BNS hanya mengemukakan sejumlah RM45 juta pada 3 Oktober 2013.
- b) Selanjutnya, Bon Pelaksanaan tersebut sepatutnya dikemukakan dalam tempoh 14 hari dari tarikh SST dikeluarkan pada 16 Disember 2011. Sebaliknya bon dari Bank Rakyat berjumlah RM45 juta (RM9 billion/10 x 5%) dikemukakan pada 3 Oktober 2013 (berdasarkan syarat 3, SST Pindaan Pertama bertarikh 27 September 2013).
- c) Didapati **bon pelaksanaan ini berkuat kuasa dari 3 Oktober 2013 sehingga 30 November 2022**. Bagaimanapun, bon tersebut sepatutnya berkuat kuasa sehingga obligasi terakhir dipenuhi (*fulfilment of the obligation*) oleh BNS seperti ditetapkan dalam Klausu 9.1.2 – *Performance Bond* dan Klausu 25 - *fulfilment of the final obligation*.
- d) Pada 27 Mac 2015, KEMENTAH telah menandatangani *First Supplementary Contract* yang antaranya menetapkan elemen kos faedah pinjaman yang perlu ditanggung oleh KEMENTAH bersama BNS secara berkongsi 50:50 iaitu berjumlah RM128.6 juta. (rujuk Para 6.3.19). Bagaimanapun, tambahan nilai bon pelaksanaan berjumlah RM803,750 (RM128.6 juta/8x5%) masih belum dikutip daripada BNS memandangkan nilai kontrak telah meningkat kepada RM9.128 billion. Peruntukan tambahan bon pelaksanaan ini ditetapkan dalam Klausu 9.1.4 kontrak utama.



- e) Jawatankuasa Siasatan mendapati perkara berikut:
- i. pengecualian BNS untuk mengemukakan bon pelaksanaan mengikut nilai harga kontrak setahun adalah di luar kebiasaan daripada mematuhi SPP Bil 5 Tahun 2007 dan PK4 – Pentadbiran Kontrak Perolehan Kerajaan Secara Am. Sepatutnya pengiraan bon adalah lima peratus (5%) daripada jumlah harga kontrak bekalan/kerja yang bernilai melebihi RM500 juta. Tindakan seumpama ini mendedahkan Kerajaan risiko kerugian sekiranya syarikat gagal melaksanakan obligasi kontrak, tuntutan (*on demand*) sepenuhnya berdasarkan nilai kontrak tidak boleh dikuatkuasakan oleh Kerajaan;
 - ii. memastikan tempoh kuatkuasa bon pelaksanaan adalah sehingga obligasi terakhir dipenuhi (*fulfilment of the obligation*) sebagaimana ditetapkan dalam Klausu 9.1.2 – *Performance Bond* dan Klausu 25 - *fulfilment of the final obligation*; dan
 - iii. mendapatkan tambahan nilai bon pelaksanaan berjumlah RM803,750 (RM128.6 juta/8x5%) daripada BNS kerana nilai kontrak telah meningkat kepada RM9.128 bilion sejajar dengan ketetapan Klausu 9.1.4 kontrak utama.

Kos Faedah Pinjaman Dibayar Sekaligus

6.3.35 UPE telah memperuntukkan sejumlah RM150 juta bagi membiayai kos faedah pinjaman yang akan dibayar bersama oleh BNS dan Kerajaan. Jumlah RM150 juta tersebut dikurangkan kepada RM128.6 juta memandangkan pembayaran faedah akan dibuat pada tahun 2014 dan pengiraan kos faedah tersebut dapat dikurangkan. Sehubungan itu, MOF telah memberi kelulusan pada

TERBUKA

11 Disember 2014 ke atas permohonan KEMENТАH bagi pengecualian pembayaran tanpa melalui pindaan kontrak.
Jawatankuasa Siasatan mendapati perkara berikut:

- a) Bayaran sebanyak RM128.6 juta telah dibuat melalui **baucar bayaran B1374 pada 16 Disember 2014**. Syarat kontrak berhubung kos faedah pinjaman hanya dimasukkan dalam *First Supplementary Contract* bertarikh 27 Mac 2015. Kos faedah pinjaman ini meliputi tempoh lima tahun dengan kadarnya sebanyak 6% setahun. Jawatankuasa Siasatan mendapati, sepatutnya KEMENТАH membayar kos faedah pinjaman setiap tahun bermula dari tahun 2014 hingga 2018 mengikut amaun yang telah ditentukan, dan bukan sekali gus iaitu pada tahun 2014 iaitu sebanyak RM128.6 juta. Butiran lengkap kos faedah pinjaman adalah seperti di Jadual 35.

**JADUAL 35
PENGIRAAN KOS FAEDAH PINJAMAN**

| TAHUN | RM (JUTA) | | | | | |
|-------------------------------|----------------|-------|-------|-------|-------|--------|
| | 2014 | 2015 | 2016 | 2017 | 2018 | JUMLAH |
| Pinjaman Belum Bayar | 1,300.0 | 981.4 | 981.4 | 981.4 | 691.4 | - |
| Faerah Dikenakan | 39.0 | 58.9 | 58.9 | 58.9 | 41.5 | - |
| <i>Financial Cost Sharing</i> | BNS (50%) | 19.5 | 29.4 | 29.4 | 29.4 | 128.6 |
| | Kerajaan (50%) | 19.5 | 29.4 | 29.4 | 29.4 | 128.6 |

- b) Jawatankuasa Siasatan mendapati amalan ini pada asas adalah tidak teratur dari segi tadbir urus kerana tidak menjaga kepentingan Kerajaan. Sepatutnya kos faedah ini ditanggung sepenuhnya oleh syarikat BNS kerana pinjaman tersebut adalah untuk menampung baki bayaran pendahuluan dimohon oleh BNS sebelum ini sedangkan bayaran pendahuluan tersebut sebenarnya telah melebihi amaun yang ditetapkan oleh Pekeliling Perbendaharaan Bil 5 tahun 2007.

Penetapan Klausula Kontrak yang Lemah

6.3.36 Sepanjang pelaksanaan projek ini, terdapat satu kontrak utama dan empat *Supplementary Contract* telah ditandatangani bagi tempoh pelaksanaan projek bermula 3 Oktober 2013 sehingga 2 Oktober 2023.

6.3.37 Jawatankuasa Siasatan mendapati, berlaku kelemahan dalam penetapan klausula-klausula yang terkandung dalam kontrak menyebabkan empat *Supplementary Contract* terpaksa dibuat. Pada tahun 2015 sahaja, sebanyak dua kali pindaan telah dibuat dan sekali pindaan bagi tahun 2016 dan 2017. Bagi perubahan jadual pembayaran, sebanyak tiga kali pindaan telah dibuat yang melibatkan *First, Second and Third Supplementary Contract*. Ini menunjukkan kelemahan dari segi perancangan, perbincangan dengan kontraktor dan juga mendapat kelulusan daripada MOF. Butiran pindaan bagi empat *Supplementary Contract* tersebut seperti di **Jadual 36**.

JADUAL 36
PERINCIAN SUPPLEMENTARY CONTRACT

| BIL | SUPPLEMENTARY CONTRACT | PINDAAN |
|-----|-----------------------------|--|
| 1. | <i>First</i> 27.03.2015 | <ul style="list-style-type: none"> • <i>Financial cost (faedah)</i> berjumlah RM128.6 juta • Pengecualian <i>withholding tax</i> • Penggunaan <i>dual currency</i> bagi baki harga kontrak iaitu RM5.021 bilion • Penstrukturkan semula jadual pembayaran |
| 2. | <i>Second</i> 14.09.2015 | <ul style="list-style-type: none"> • Penstrukturkan semula jadual pembayaran • Perubahan kepada Jadual 2C - <i>Data Requirement List</i> |
